



كوفراسي فكاوي كرايمنا بنري ندرج وارا لاسا برحم

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

NO. 2 & 4, TAMAN KOPERASI KEDAH, JALAN TUN ABDUL RAZAK,
05200 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN.

TEL : 04-7311144 / 7310799 / 7348741 FAKS : 04-7347358

E MEL : kppknk@kopkedah.com.my

WEBSITE : www.kopkedah.com.my

FACEBOOK : www.facebook.com/kopkedah



IBU PEJABAT KOPERASI
AR RAHNU ALOR SETAR



AR RAHNU
GUAR CHEMAPEK



KOSERVIS



PERNIAGAAN GAS PETRON



STESAN MINYAK CALTEX
CHANGLOON



STESAN MINYAK PETRONAS
ALOR SETAR



STESAN MINYAK SHELL
ALOR SETAR



STESAN MINYAK PETRON
BESERI PERLIS



كوفراسي فكاوي كرايمنا بنري ندرج وارا لاسا برحم

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

**MESYUARAT
AGUNG**

KE

67

DI DEWAN UTAMA,
**INSTITUT PENDIDIKAN GURU,
KAMPUS DARULAMAN**

BANDAR DARULAMAN, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.

JUMAAT, 24HB JUN 2022 | 8.00 PAGI

• Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 67	1 – 2
• Notis Pemberitahuan	3
• Pengurusan Koperasi 2021 / 2022	5 – 8
• Peristiwa Koperasi 2021	9 – 10
• Alamat Premis Bahagian-Bahagian Koperasi	11 – 12
• Etika Mesyuarat Agung	14 – 20
• Minit Mesyuarat Agung Ke 66	22 – 37
• Laporan Tahunan Lembaga Tahun 2021	38 – 58
• Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Tahun 2021	60 – 61
• Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2021	62 – 126
• Lampiran A - Cadangan Pembahagian Keuntungan Tahun 2021	129
• Lampiran B - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Bahagian Kredit) Tahun 2023	130
• Lampiran C - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Stesen Minyak Petronas) Tahun 2023	131
• Lampiran D - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Bahagian Koservis) Tahun 2023	132
• Lampiran E - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Stesen Minyak Caltex Changlon) Tahun 2023	133
• Lampiran F - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Ar-Rahnu Alor Setar) Tahun 2023	134
• Lampiran G - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Ar-Rahnu Guar Chempedak) Tahun 2023	135
• Lampiran H - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Stesen Minyak Shell Jalan Langgar) Tahun 2023	136
• Lampiran I - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Perniagaan Gas Petron) Tahun 2023	137
• Lampiran J - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Stesen Minyak Petron Beseri, Perlis) Tahun 2023	138
• Lampiran K - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Stesen Minyak Petron Changlun) Tahun 2023	139
• Lampiran L - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Ar-Rahnu Arau) Tahun 2023	140
• Lampiran M - Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan (Stesen Minyak Buraqoil, Kuala Nerang) Tahun 2023	141
• Lampiran N - Anggaran Belanjawan Modal/Aset 2023	142
• Lampiran O - Senarai Juruaudit Luar	143 – 144
• Lampiran P - Pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-aturan Koperasi	145
• Lampiran Q - Had Keberhutangan (Pinjaman) Dan Skop Serta Had Pelaburan	146
• Lampiran R - Pelan Strategik 2021-2035	147 – 157

Kedudukan 1-20 | Ranking 1-20

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD



NEGERI
STATE:
KEDAH

10

KEANGGOTAAN
MEMBERSHIP:
4,301

SYER & YURAN
SHARE & SUBSCRIPTIONS:
RM39,593,000.00

KUMPULAN WANG ANGGOTA
SHAREHOLDER'S FUND:
RM42,408,000.00

JUMLAH ASET
TOTAL ASSET:
KUMPULAN KOPERASI
GROUP CO-OPERATIVE
- RM65,077,000.00

PENDAPATAN
INCOME:
KUMPULAN KOPERASI
GROUP CO-OPERATIVE
- RM58,107,000.00

AKTIVITI UTAMA
ACTIVITIES:
STESEN MINYAK / PETROL STATION

Peringkat 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2021
Peringkat 100 Co-Operatives in Malaysia 2021

25



SUMBER: BUKU INDEKS 100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA 2021 TERBITAN SKM MALAYSIA



SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia

Sijil Pengiktirafan

100 Koperasi Terbaik Malaysia 2021

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN NEGERI KEDAH
DARUL AMAN BERHAD**

telah berjaya tersenarai pada kedudukan

KE - 10



HAJI ZAZALI BIN HARON

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



كوفراسي فداوي كرامنا بندي ندرج ودرر الامان برسر
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

Kepada:
Semua anggota Koperasi

Tarikh: 01 Jun 2022
01 Zulkaedah 1443 Hijrah

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 67

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 67 Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad akan diadakan pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 24 Jun 2022 (Jumaat) bersamaan 24 Zulkaedah 1443Hijrah
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Besar, Institut Pendidikan Guru, Kampus Darulaman,
Bandar Darulaman,06000 Jitra, Kedah.

2. Anggota-anggota dengan hormatnya dipersilakan hadir. Pendaftaran bermula jam 8.00 pagi hingga jam 9.00 pagi.
3. Agenda Mesyuarat;
 1. Melantik Pengerusi Mesyuarat.
 2. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang Anggota Lembaga untuk menentusah draf minit Mesyuarat Agung Ke 67.
 3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66 yang telah diadakan pada 20 November 2021.
 4. Memilih 3 orang Anggota Lembaga. Anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut Peruntukan Seksyen 36(1) Undang-undang Kecil Koperasi :
 1. Haji Munir bin Badrul Jamil
 2. Haji Anuar bin Ibrahim
 3. Haji Majib bin Jusoh
 5. Menimbang Laporan Tahunan Lembaga bagi Tahun 2021.
 6. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 berserta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya.
 7. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
 8. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2023:
 - i. Bahagian Kredit
 - ii. Bahagian Stesen Minyak Petronas Alor Setar
 - iii. Bahagian Koservis
 - iv. Bahagian Stesen Minyak Caltex Changloon
 - v. Bahagian Ar-Rahnu Alor Setar



- vi. Bahagian Ar-Rahnu Guar Chempedak
 - vii. Bahagian Stesen Minyak Shell Jalan Langgar
 - viii. Bahagian Perniagaan Gas Petron
 - ix. Bahagian Stesen Minyak Petron Beseri, Perlis
 - x. Bahagian Stesen Minyak Buraqoil, Kuala Nerang
 - xi. Bahagian Stesen Minyak Petron Changloon
 - xii. Bahagian Ar-Rahnu Arau, Perlis
 - xiii. Belanjawan Modal/Aset
9. Meluluskan pelantikan satu panel Juruaudit Luar yang terdiri dari tidak lebih dari dua firma audit untuk mengaudit akaun tahun 2022 dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk memilih salah satu firma berkenaan yang sesuai serta menetapkan bayarannya.
 10. Memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pembiayaan wang tidak lebih dari RM30juta dengan kadar keuntungan tidak melebihi kadar pasaran dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan dengan wang pembiayaan tersebut tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
 11. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
 12. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi.
 13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan.
4. Tuan/Puan yang berhasrat untuk mengemukakan apa-apa usul di dalam Mesyuarat Agung kali ini hendaklah menyampaikan usul tersebut kepada Setiausaha Koperasi tidak lewat dari 7 hari sebelum Mesyuarat Agung.
 5. Semua anggota boleh melayari laman sesawang www.kopkedah.com.my untuk mendapatkan maklumat mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Ke 67.

Dengan Perintah Lembaga,

.....
(HAJI MAJIB BIN JUSSOH)

Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Cawangan Negeri Kedah,
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan Anak Bukit,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Mu'adzam Shah,
06550 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.



كوفراسي فداوي كراجانا بئري فندح ودرار لاسا برحمه
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

NOTIS PEMBERITAHUAN

1. Kelayakan Menghadiri Mesyuarat Agung

Menurut Fasal 13 dan 16 Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) yang dibuat berdasarkan Seksyen 50(a) dan Seksyen 28 Akta Koperasi 1993, anggota yang telah menjelaskan fi masuk dan yuran bulanan pertama yang bernilai sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh) serta syer RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh) pada atau sebelum 30 April 2022 boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-67 pada 24 Jun 2022.

2. Anggota Mohon Berhenti

Anggota yang telah mendapat kelulusan berhenti daripada Lembaga pada atau sebelum 30 Jun 2022 adalah tidak layak mengundi dan tiada hak dan tanggungjawab seperti di bawah Fasal 16 dan 21, UUK.

3. Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen

Tertakluk kepada kelulusan anggota koperasi di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-67, cadangan pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 akan dibayar kepada anggota dalam masa sebulan selepas tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Seseorang yang gagal atau ingkar untuk menjelaskan yuran atau hutangnya selama tiga bulan berturut-turut dengan tidak mendapat kebenaran Lembaga atau seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen menurut Fasal 66 (1), UUK.

Dividen 2021 akan dikreditkan ke dalam akaun anggota koperasi yang layak seperti berikut:-

- a) Bagi anggota yang telah mengemukakan nombor akaun bank sebelum 1 Jun 2022, dividen 2021 yang berjumlah RM10.00 dan ke atas akan dikreditkan ke dalam akaun bank anggota berkenaan mulai 1 Julai 2022.
- b) Bagi anggota yang belum mengemukakan nombor akaun bank sebelum 1 Jun 2022, dividen 2021 hanya akan dikreditkan selepas 1 Julai 2022 mengikut tarikh-tarikh nombor akaun bank anggota dikemukakan kepada koperasi.
- c) Bagi anggota yang gagal mengemukakan nombor akaun bank pada atau selepas 1 Jun 2022, dividen 2021 hanya akan dikreditkan simpanan biasa anggota berkenaan dengan Koperasi selepas sebulan dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.



**MAKLUMAT
KORPORAT KOPERASI
2021 / 2022**



ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI 2021 / 2022



HAJI ANUAR BIN IBRAHIM
PENGERUSI



HAJI MAJIB BIN JUSSOH
SETIAUSAHA



HAJI MUNIR BIN BADRUL JAMIL
BENDAHARI



DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM
ANGGOTA LEMBAGA



DATO' HAJI HASHIM BIN AHMAD
ANGGOTA LEMBAGA



HAJAH HASNAH BINTI AHMAD
ANGGOTA LEMBAGA



ZABIDI BIN AHMAD
ANGGOTA LEMBAGA



HAJI ROMLI BIN ZAKARIA
ANGGOTA LEMBAGA



ROSHAMIDI BIN OTHMAN
ANGGOTA LEMBAGA

ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2021 / 2022



MOHAMAD SAAD BIN HJ MD LAZIM
Pengerusi JAD



HAJI ISMAIL BIN AHMAD
Anggota JAD



HAJI ISMAIL BIN AHMAD
Anggota JAD



HAJI MD ZIN BIN HAMZAH
Anggota JAD



DR ISMAIL BIN ZAKARIA
Anggota JAD



PASUKAN PENGURUSAN 2022



FARIZAL BIN HAJI ABDUL RAHMAN
PENGURUS KEWANGAN / AKAUN



HAJI MOHD SHUKRI BIN HASSAN
PENGURUS BESAR



ASMIDAR BINTI MOKLAS
PENGURUS IT



NUR ZAIIMAH BINTI MT AKHIR
PEGAWAI SUMBER MANUSIA



NAJAMRIAH BINTI HASHIM
PEGAWAI PEMBIAYAAN



ASMAHANI BINTI ASPIRAN
PENOLONG PENGURUS
KEWANGAN / AKAUN



**MOHAMAD AMIRUL IKMAL
BIN ABD HALIM**
PENGURUS AR RAHNU
ALOR SETAR



ABDUL RAZAK BIN AHMAD
PENGURUS AR RAHNU
GUAR CHEMPEDAK



**MUHAMMAD SYUHAIRI
BIN MD KASSIM**
PENGURUS KOSERVIS



**MOHAMMAD ASHRAF SOLIHIN
BIN AHMAD**
PENGURUS
PERNIAGAAN GAS PETRON



**MOHAMMAD FIRDAUS
BIN MOHAMMAD FAUZI**
PENGURUS
STESEN MINYAK PETRONAS
ALOR SETAR



**KU SA'DUDDIN
BIN KU AZIZAN**
PENGURUS
STESEN MINYAK CALTEX
CHANGLOON



**ZAKIUDDIN FATA
BIN HAJI TAIB**
PENGURUS
STESEN MINYAK SHELL



**MOHAMMAD SYAZRIL
BIN ADLI**
PENGURUS
STESEN MINYAK PETRON
ALOR SENJA

KAKITANGAN KOPERASI 2022



BAHAGIAN KREDIT



AR RAHNU GUAR CHEMPEDAK



STESEN MINYAK PETRONAS & KEDAI MESRA



AR RAHNU ALOR SETAR



STESEN MINYAK CALTEX CHANGLOON



MYTAYAR



STESEN MINYAK SHELL JALAN LANGGAR



PERNIAGAAN GAS PETRON



STESEN MINYAK PETRON ALOR SENA



PERISTIWA KOPERASI 2021



Mantan Dato' Pengerusi bersama YAB Dato' Noh Omar, Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi



Majlis membaca Yassin dan doa selamat bagi pembukaan Stesen Minyak Petron Alor Sena, Perlis



Stesen Minyak Petronas Jalan Tun Razak semasa kerja-kerja pertukaran tangki bawah tanah yang baharu



Lawatan balas pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Wilayah Utara pada 4/10/2021



Lawatan pengurusan Koperasi bersama Pengarah SKM Perlis ke Pejabat Menteri Besar Negeri Perlis



Pengurus Besar menyerahkan cenderahati kepada pelanggan pertama yang mengunjungi Stesen Minyak Petron Alor Sena apabila dibuka



Mantan Pengerusi menyerahkan sumbangan air mineral kepada petugas-petugas barisan hadapan PPV Stadium Suka Menanti



Lawatan SKM Perlis ke Stesen Minyak Petron Alor Sena milik Koperasi

PERISTIWA KOPERASI 2021



Lawatan SKM Kedah ke Stesen Minyak Petron Alor Sena, Perlis milik Koperasi



Mantan Dato' Pengerusi dan Tuan Setiausaha bersama YAB Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa program penyerahan sumbangan CSR Koperasi peringkat Negeri Kedah



Program derma petrol kepada B40 Negeri Perlis anjuran NGO Wanita Perlis bertempat di Stesen Minyak Petron Alor Sena



Suasana Bilik Mesyuarat Koperasi yang digunakan sebagai Pusat Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66 secara atas talian pada 20/11/2021



Program promosi gas petron kepada peniaga-peniaga kecil sekitar Alor Setar dengan setiap peniaga mendapat apron percuma



Penerima makanan daripada Program CSR Food Bank anjuran Stesen Minyak Shell Jalan Langgar



Mantan Dato' Pengerusi menyerahkan bantuan Hari Raya Aidil Fitri 2021 kepada semua pekerja Koperasi



Majlis Penyerahan Tugas Pengurus Stesen Minyak Petronas Jalan Tun Razak



KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

ALAMAT PREMIS / BAHAGIAN-BAHAGIAN KOPERASI

▶ PEJABAT URUSAN KOPERASI

No. 2 & 4, Taman Koperasi Kedah,
Jalan Tun Abdul Razak,
05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
Tel : 04-7310799 / 7311144
Fax : 04-7347358
e-mel : moshakri@yahoo.com.my
website : www.kopkedah.com.my
facebook : www.facebook.com/kopkedah



STESEN MINYAK PETRONAS & KEDAI MESRA ALOR SETAR

Lot 1, Jalan Tun Abdul Razak,
05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.
Tel: 04-7333163 / 7345487

▶ MYTAYAR

No.18B, Taman Koperasi Kedah,
Jalan Tun Abdul Razak,
05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.
Tel: 04-7318484



STESEN MINYAK CALTEX CHANGLOON

Lot.2877, Lebuhraya Utara-Selatan
06010 Changlloon,
Kedah Darul Aman.
Tel: 04-9243520
Fax: 04-9243633



▶ AR RAHNU ALOR SETAR

No. 4B, Taman Koperasi Kedah,
Jalan Tun Razak,
05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.
Tel: 04-7308396



AR RAHNU GUAR CHEMPEDAK ◀

1B & 1C, Akib Majlis Daerah Yan
Jalan Yan, 08800 Guar Chempedak,
Kedah Darul Aman.
Tel: 04-4689102
Fax: 04-4689103

▶ STESEN MINYAK SHELL JALAN LANGGAR

Lot. 1554, Batu 4½, Jalan Langgar,
06500 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
Tel: 04-7870187
Fax: 04-7870552



PERNIAGAAN GAS PETRON ◀

Lot. 3240, Batu 2¼,
Jalan Datuk Kumbang, 05300 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.
Tel: 04-7349600
Fax: 04-7349599

▶ STESEN MINYAK PETRON ALOR SENA

Lot. 1848 & 1960, Mukim Padang Pauh,
01000 Kangar, Perlis.
Tel: 04-9384228
Email: petronalorsena@gmail.com



**DAPATKAN GAS MEMASAK (LPG)
BERJENAMA PETRON
DENGAN HARGA GUDANG**

KOS PENGHANTARAN
+ RM3.00

**12 KG
HANYA
RM 22.50**
HARGA WALK IN



**14 KG
HANYA
RM 26.50**
HARGA WALK IN

TIADA CAJ DIKENAKAN ATAS PENUKARAN TONG BERJENAMA LAIN
BERTUKARLAH KE JENAMA PETRON SEKARANG

PETRON GASUL
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD
LOT. 3240 BATU 2 1/4, JLN DATUK KUMBAR
05300 ALOR SETAR, KEDAH

HUBUNGI KAMI : 04-7349600
WAKTU OPERASI : 8:30 PAGI - 5:00 PETANG



كوفرايسى فقاوى كرفى نى بترى فترج ودرار فوسا برمر

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD
No. 2 & 4 Taman Koperasi, Jalan Tun Razak, 05200 Alor Setar, Kedah
Tel : 04-7310799/7311144 Fax : 04-7347358 E-mel : kppknk@kopkedah.com.my
Web : www.kopkedah.com.my FB : facebook.com/kopkedah

Bertukarlah Ke Jenama Petron Sekarang

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD
LOT. 3240, BATU 2 1/4, JALAN DATUK KUMBAR, 05300 ALOR SETAR, KEDAH
TEL: 04-7349600 FAX: 04-7349607

Hubungi Kami : 04-7349600

Air Mineral KPPKNK
Hubungi Kami : 04-7318484

KOSERVIS (Kedai Tayar)
No. 18B Tmn Koperasi Kedah,
Jln Tun Razak,
05200 Alor Setar,
Kedah

etIqa
Takaful

Aktiviti Kami

- * Menjual Tayar & Aksesori Kenderaan
- * Insuran & Cukai Jalan
- * Minyak Pelincir & Bateri Pelbagai Jenama

TakaFUL Malaysia



ETIKA MESYUARAT AGUNG

JATI DIRI KOPERASI

DEFINISI

Sebuah koperasi adalah pertubuhan manusia yang berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan bersama dan aspirasi bersama di bidang ekonomi, sosial dan budaya, melalui suatu badan yang dimiliki dan yang terkawal secara demokrasi.

NILAI-NILAI

Koperasi adalah berasaskan nilai-nilai berdikari, bertanggungjawab pada diri sendiri, demokrasi, kesamaan, kesaksamaan atau keadilan, perpaduan, kesetiaan dan bersatu hati. Selaras dengan tradisi pengasas gerakan itu, anggota koperasi menerima nilai-nilai etika, termasuk sadik, amanah, ketelusan, tanggungjawab sosial serta perihatin terhadap orang lain.

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

Prinsip koperasi menjadi panduan untuk koperasi mengamalkan nilai-nilainya.

Prinsip Pertama: Keanggotaan Sukarela dan Terbuka

Koperasi adalah organisasi sukarela yang terbuka kepada semua orang yang boleh mengguna perkhidmatannya dan yang sedia menerima tanggungjawab keanggotaan tanpa diskriminasi jantina, lapisan masyarakat, bangsa, politik mahupun agama.

Prinsip Kedua: Kawalan Demokrasi oleh Anggota

Koperasi organisasi demokratik yang dikawal oleh anggotanya mengambil bahagian secara aktif di dalam usaha menentukan dasar dan membuat keputusan. Lelaki dan wanita yang berkhidmat sebagai wakil yang dipilih bertanggungjawab kepada semua anggota. Di dalam Koperasi Asas, anggotanya mempunyai hak mengundi yang sama (iaitu satu anggota satu undi) dan koperasi-koperasi di tahap lain disusun secara demokrasi.

Prinsip Ketiga: Penglibatan Ekonomi oleh Anggota

Setiap anggota menyumbangkan modal secara saksama dan mengawal modal koperasi secara demokrasi. Sekurang-kurangnya sebahagian daripada modal itu menjadi aset bersama koperasi itu. Pada umumnya, anggota yang menyumbangkan modal sebagai syarat keanggotaan akan menerima pulangan terhad, jika ada. Anggota akan membahagikan lebih atau keuntungan kepada tujuan berikut: memajukan koperasi mereka mungkin melalui rezab yang sebahagian daripadanya tidak boleh diagih-agihkan kepada anggota; memanfaatkan anggota mengikut nisbah urusniaga mereka dengan koperasi itu, dan membantu kegiatan lain yang dipersetujui oleh keanggotaan.

Prinsip Keempat: Autonomi dan kebebasan

Koperasi adalah organisasi berautonomi dan berdikari yang dikawal oleh anggotanya. Jika koperasi itu membuat perjanjian dengan organisasi lain termasuk kerajaan, atau mendapat modal daripada sumber luar, maka ia harus memelihara prinsip kawalan demokrasi oleh keanggotaan sambil autonomi koperasi itu dikekalkan.

Prinsip Kelima: Pendidikan, Latihan dan Maklumat

Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggotanya, wakil yang dipilih, pengurus serta kakitangan supaya mereka boleh menyumbang tenaga secara berkesan kepada pembangunan koperasi mereka. Koperasi memberi maklumat kepada rakyat umum khususnya kepada remaja dan pemimpin masyarakat.

Prinsip Keenam: Bekerjasama di antara Koperasi

Koperasi berkhidmat kepada anggotanya dengan cara yang paling berkesan dan ia memperkukuhkan Gerakan Koperasi jikalau ia bekerja bersama-sama dengan struktur koperasi lain, setempat, nasional, serantau dan antarabangsa.

Prinsip Ketujuh: Berprihatin Terhadap Masyarakat

Koperasi berusaha untuk mendapatkan pembangunan berkekalan bagi masyarakatnya melalui dasar-dasar yang dipersetujui oleh anggotanya.

*Versi ANGKASA 6 Mac 2002 (Jati Diri Koperasi yang diputuskan di Manchester, UK pada 24 September 1995)



ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. Perhimpunan

Anggota-anggota hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam Notis Mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa rasmi bagi acara mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil.

4. Perkara-Perkara Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat. Semua perkara yang tercatat dalam Agenda Mesyuarat hendaklah diutamakan lebih daripada perkara-perkara yang lain.

5. Korum

Korum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil.

6. Minit Mesyuarat Agung Yang Lalu

Minit Mesyuarat Agung yang lalu telah diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan atasnya tidak dibenar. Hanya selepas pengesahan dibuat dan ditandatangani oleh Pengerusi, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. Setiausaha Mesyuarat

Mesyuarat Agung boleh melantik seorang Setiausaha untuk mencatat perjalanan mesyuarat dan hendaklah menyerahkan Minit Mesyuarat itu kepada Setiausaha Koperasi ini dalam tempoh dua minggu dari tarikh Mesyuarat Agung diadakan.

8. Hak-Hak Anggota

Anggota-anggota yang sah mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan, sokongan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam Agenda Mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

9.1 Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah Minit Mesyuarat Agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah dibawah syor "Telah diterima dan diluluskan".

9.2 Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan dari lain-lain perkara. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi. Syor seperti ini hendaklah mengenai perkara yang tidak boleh diterima atau sebarang ketinggalan yang mendukacitakan.



10. Tertib Bercakap

- 10.1 Anggota-anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila dipanggil oleh Pengerusi hendaklah ia berdiri dan mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Apabila lebih dari seorang bangun untuk bercakap, anggota terdahulu bangun diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, keputusan terletak pada Pengerusi.
- 10.2 Anggota-anggota tidak boleh bercakap lebih dari sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan usul kepada usul itu) untuk menjawab. Tetapi sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, seseorang anggota, sungguhpun telah bercakap akan dibenarkan bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.
- 10.3 Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota yang sedang bercakap kecuali :
 - a. Jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang menegur hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak ditegur untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi untuk memutuskannya; atau
 - b. Jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan anggota yang hendak mengganggu itu dipanggil Pengerusi.
- 10.4 Jika seseorang anggota mengganggu anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadap dan engkar mematuhi arahan Pengerusi apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi. Ia akan diminta meninggalkan dewan mesyuarat dan tidak akan dibenar masuk selagi tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi.
- 10.5 Jika Pengerusi memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan lain-lain anggota tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi memberi kebenaran untuk melanjutkan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi tiga minit, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi dua minit.

12. Isi-isi Ucapan

- 12.1 Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan.
- 12.2 Perkara-perkara yang dalam timbangan mahkamah tidak boleh disebut.
- 12.3 Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh ditimbang semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.



- 12.4 Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa biadap dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap anggota lain.
- 12.5 Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong atau nama D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu atau Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- 12.6 Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan:
 - a. perkataan-perkataan derhaka pada negeri;
 - b. perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan; dan
 - c. perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan di antara kaum di Malaysia.
- 12.7 Jika pada timbangan Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan itu atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu masalah dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak akan membawa kepada salah dari segi mana-mana peraturan, maka masalah itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta-merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang (bahas) walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul

- 14.1 Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai "Usul Asal" dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.
- 14.2 Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.
- 14.3 Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam Agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum Mesyuarat Agung diadakan.
- 14.4 Seorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh Mesyuarat Agung dengan syarat pindaan itu pada timbangan Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.
- 14.5 Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya telah dimasukkan dalam Agenda, Pengerusi apabila sampai masanya, mengisytiharkan dalam Mesyuarat Agung bahawa usul tersebut itu telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

- 15.1 Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.



- 15.2 Seorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih dari sekali. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal.

17. Hak Menjawab

- 17.1 Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat ia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.
- 17.2 Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada pembawa pindaan.

18. Pengundian

- 18.1 Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-Undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi muktamad.
- 18.2 Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya sendiri.
- 18.3 Cara mengundi hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil.

19. Adab Anggota Tidak Bercakap

Semasa mesyuarat sedang berjalan:

- (i) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;
- (ii) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;
- (iii) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-suratkhbar, buku-buku, surat surat atau lain-lain kecuali "literature" yang ada kena-mengena dengan perkara yang dibahaskan;
- (iv) Semasa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak membuat gangguan.

20. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- 20.1 Bila anggota-anggota ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbincangan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.



- 20.2 Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya Etika Mesyuarat Agung ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbang semula.
- 20.3 Pengerusi, setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat, boleh memerintah ia berhenti bercakap.
- 20.4 Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak senonoh (biadap) supaya keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.
- 20.5 Anggota yang diperintahkan keluar menurut 20.4 dengan serta-merta hendaklah keluar dari Dewan dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.
- 20.6 Sesuatu perkara yang berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan Pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive), maka keputusan hendaklah dibuat cara pengundian.
- 20.7 Jika Mesyuarat Agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan Pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "natural justice" hendaklah dipakai.
- 20.8 Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, boleh menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

21. Kuasa Pindaan

Anggota atau Lembaga dari semasa ke semasa boleh mengemukakan kepada Mesyuarat Agung bagi meminda mana-mana peruntukkan Etika Mesyuarat Agung ini.

(Etika ini disediakan menurut Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2003 bertarikh 30 April 2003.)

“SATU BAGI RAMAI, RAMAI BAGI SATU”



CONGRATULATIONS!

This Certificate Is Awarded To

Koperasi Pegawai - Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Berhad

For Excellence In:

2020 Image Stewardship Score Above 95%

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Saw Siam Ching".

Saw Siam Ching
Group General Manager
PenPec Group of Companies
21st January 2021



**MINIT
MESYUARAT AGUNG
KE 66**

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 66 KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

Tarikh : 20 November 2021 (Sabtu)
15 Rabiul Akhir 1443H

Waktu : 9.00 pagi

Kaedah : Aplikasi Zoom Meeting

Kehadiran : 1,807 orang anggota

Agenda

01

► Melantik Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Tuan Setiausaha memaklumkan bahawa jumlah anggota koperasi terkini adalah 3,979 orang. Manakala kehadiran sehingga jam 9.00 pagi adalah seramai 670 orang. Jika mengikut kourum, 1/8 daripada 3,979 berjumlah 497, maka kuorum telah mencukupi untuk memulakan mesyuarat. Beliau mempersilakan anggota-anggota yang hadir untuk mencalonkan Pengerusi Mesyuarat kali ini.
- 1.2 Y.Bhg Dato' Haji Hashim bin Ahmad (3436) mencadangkan supaya Tuan Haji Anuar bin Ibrahim (7096) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Ke 66. Cadangan ini disokong oleh Encik Zabidi bin Ahmad (9235).
- 1.3 Oleh kerana tiada cadangan lain, Mesyuarat bersetuju terima sebulat suara.
- 1.4 Tuan Setiausaha mengumumkan bahawa Tuan Haji Anuar bin Ibrahim (7096) dipilih sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66 dan mempersilakan beliau untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66.
- 1.5 Tuan Haji Anuar bin Ibrahim (7096) selaku Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memberi salam dan seterusnya meminta supaya anggota yang hadir bersama-sama membaca surah Al Fatihah bagi dihadiahkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat khususnya kedua-dua ibu bapa kita dan anggota-anggota koperasi yang telah meninggal dunia. Beliau mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana telah memberi kepercayaan kepadanya untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Ke 66 pada hari ini.

Seperti semua sedia maklum, Mesyuarat Agung Tahunan kali ini terpaksa mengikut norma baru di mana mesyuarat terpaksa diadakan secara atas talian. Beliau mengalu-alukan penyertaan anggota dalam talian "Zoom Meeting", "Facebook Live" dan "Youtube Live". Dengan kekangan atas talian dan kemampuan Sistem E-MAT, hanya sebahagian anggota dan petugas sahaja dapat dilihat dan boleh berinteraksi dalam mesyuarat agung tahunan kali ini.



Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta semua anggota yang mencadang dan menyokong supaya klik "Chat" dalam "Zoom Meeting" apabila sampai masanya.

Mesyuarat diteruskan mengikut agenda.

Agenda

02

Melantik Suatu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada 6 Orang Anggota Dan 4 Orang Anggota Lembaga Untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Ke 66

- 2.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta cadangan untuk memilih 6 orang anggota dan 4 orang Anggota Lembaga sebagai Ahli Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Ke 66. Anggota dikehendaki menaip nama dan nombor anggota calon dalam ruangan "Chat".
- 2.2 Encik Mohamad Saad bin Haji Md Lazim (7050) mencadangkan tiga (3) nama iaitu Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677), Tuan Haji Md Zin bin Hamzah (4457) dan Tuan Haji Ismail bin Ahmad (2472) dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Ke 66. Cadangan ini disokong oleh Encik Saifu'd-din bin Yaakob (7017).
- 2.3 Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677) mencadangkan tiga (3) nama iaitu Encik Saifu'd-din bin Yaakob (7017), Puan Hajah Khalijah binti Haji Mohd Rejab (7031) dan Encik Mohamad Saad bin Haji Md Lazim (7050) dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Ke 66. Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Md Zin bin Hamzah (4457).
- 2.4 Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta semua calon-calon yang dicadangkan supaya klik "Raise hand" dalam "Zoom Meeting" tanda hadir. Didapati semua hadir.
- 2.5 Oleh kerana tiada cadangan lain, Tuan Pengerusi Mesyuarat mengumumkan bahawa anggota berikut telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Ke 66.

Bil	Nama Calon
1	Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677)
2	Haji Md Zin bin Hamzah (4457)
3	Haji Ismail bin Ahmad (2472)
4	Saifu'd-din bin Yaakob (7017)
5	Hajah Khalijah binti Haji Mohd Rejab (7031)
6	Mohamad Saad bin Haji Md Lazim (7050)

- 2.6 Tuan Pengerusi Koperasi memaklumkan bahawa 4 orang Anggota Lembaga yang dicalonkan oleh Lembaga adalah terdiri daripada Pengerusi Koperasi, Setiausaha, Bendahari dan Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66.

- 2.7 Mesyuarat bersetuju terima dengan sebulat suara.

Agenda

03

► Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 Yang Telah Diadakan Pada 15 Jun 2019

- 3.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha untuk membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65.
- 3.2 Tuan Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 yang telah diadakan pada 15 Jun 2019 seperti yang terdapat di muka surat 31 hingga 44, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66 untuk disahkan.
- 3.3 Tuan Haji Ahmad Zamri bin Ibrahim (3025) meminta supaya dibuat pindaan nama beliau dalam Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 iaitu Haji Ahmad Zamri bin Ibrahim kepada Haji Ahmad Zamri bin Ibrahim.
- 3.4 Tuan Haji Ismail bin Ahmad (2472) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 yang telah diadakan pada 15 Jun 2019 seperti yang terdapat di muka surat 31 hingga 44, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66 disahkan.
- 3.5 Cadangan ini disokong oleh Encik Saifu'd-din bin Yaakob (7017)
- 3.6 Mesyuarat bersetuju mengesahkan dengan sebulat suara.

Agenda

04

► Memilih 3 orang Anggota Lembaga. Anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut peruntukan seksyen 36(1) Undang-Undang Kecil Koperasi:

1. Dato' Haji Abdullah Sani bin Ibrahim (1601)
2. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (3630)
3. Zabidi bin Ahmad (9235)

- 4.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut peruntukan seksyen 36(1) Undang-Undang Kecil Koperasi:
1. Dato' Haji Abdullah Sani bin Ibrahim (1601)
 2. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (3630)
 3. Zabidi bin Ahmad (9235)



- 4.2 Tuan Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa pada tahun ini terdapat 7 orang calon yang telah melepasi tapisan oleh pihak SKM. Menurut surat SKM bertarikh 18 November 2021, calon-calon berikut memenuhi kriteria "layak dan sesuai" sepertimana terkandung dalam GP3: Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012 sebagai anggota Lembaga Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad bagi tempoh sehingga tiga tahun;

1. Dato' Haji Abdullah Sani bin Ibrahim	(1601)
2. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	(3630)
3. Zabidi bin Ahmad	(9235)
4. Mohamad Adib bin Yusoff	(10050)
5. Roshamidi bin Othman	(10514)
6. Radziyuddin bin Haji Said	(5293)
7. Haji Mohamad Ibrahim bin Abd Wahab	(1694)

Pengesahan yang diberikan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- Pemantauan dan penilaian prestasi calon-calon setelah dilantik sebagai anggota Lembaga hendaklah dijalankan pada setiap tahun; dan
 - Penentusahan pelantikan Anggota Lembaga adalah terbatal sekiranya calon-calon tersebut melakukan sesuatu yang memudaratkan koperasi dan gerakan koperasi atau melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini atau diisytiharkan bankrap.
- 4.3 Tuan Pengerusi Mesyuarat memperkenalkan calon-calon yang bertanding pada tahun ini seorang demi seorang. Semua anggota diminta klik masuk Modul Undi ALK untuk mengundi. Masa mengundi adalah bermula dari 9.50 pagi hingga 10.50 pagi. Semua anggota dikehendaki memilih 3 nama sahaja. Penjumlahan undi akan disaksikan oleh wakil Juruaudit Luar.

Memandangkan jumlah yang mengundi ramai dan berlaku kesesakan masuk ke Sistem E-MAT, Pengerusi Mesyuarat memutuskan supaya masa pengundian dilanjutkan sehingga jam 11.30 pagi.

Manakala pendaftaran masuk anggota dilanjutkan sehingga tamat mesyuarat.

Agenda

05

Menimbang Laporan Tahunan Lembaga Bagi Tahun 2019 dan 2020

- Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha untuk membentangkan Laporan Tahunan Lembaga bagi tahun 2019 dan 2020.
- Tuan Setiausaha membentangkan Laporan Tahunan Lembaga bagi tahun 2019 dan 2020 seperti yang terdapat di muka surat 47 hingga 86, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66 untuk diterima.

- 5.3 Tuan Haji Ahmad Zamri bin Ibrahim (3025) mencadangkan supaya Laporan Tahunan Lembaga 2019 dan 2020 diterima.
- 5.4 Encik Ismail bin Man (8282) menyokong supaya Laporan Tahunan Lembaga 2019 dan 2020 diterima.
- 5.5 Mesyuarat bersetuju terima dengan sebulat suara.

Agenda

06

▶ Menimbang Dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit Koperasi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 dan 31 Disember 2020 Berserta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga dan Laporan Audit Dalam.

- 6.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan 31 Disember 2020 berserta laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga dan Laporan Audit Dalam.
- 6.2 Tuan Bendahari membentangkan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan 31 Disember 2020 serta laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Laporan Audit Dalam seperti yang tercatat di muka surat 89 hingga 203, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66 untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 6.3 Encik Saifu'd-din bin Yaakob (7017) mencadangkan supaya akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan 31 Disember 2020 serta laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga dan Laporan Audit Dalam seperti yang tercatat di muka surat 89 hingga 203, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66, diluluskan.
- 6.4 Encik Mohamad Saad bin Haji Md Lazim (7050) menyokong.
- 6.5 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.

Agenda

07

▶ Menimbang dan Meluluskan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 dan 31 Disember 2020

- 7.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan syor Lembaga untuk membahagikan keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan 31 Disember 2020.



- 7.2 Tuan Bendahari membentangkan syor Lembaga untuk membahagikan keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan 31 Disember 2020 seperti berikut;

CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN 2019

	RM
KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN INI	
Bahagian Kredit	695,485.66
Stesen Minyak Petronas	139,979.24
Koservis (Kedai Tayar)	(39,912.27)
Stesen Minyak Caltex Changlun	594,910.42
Stesen Minyak Shell Alor Setar	40,588.10
Ar-Rahnu Alor Setar	739,370.37
Ar-Rahnu Guar Chempedak	405,507.35
Perniagaan Gas Petron	119,617.49
	<hr/>
JUMLAH KEUNTUNGAN BERSIH	2,695,546.36
Tolak: Pelarasan Operasi	
-Susutnilai Tahun Lepas Terlebih Peruntuk-Ar Rahnu Alor Setar	382.00
	<hr/>
	2,695,928.36
Tolak: PEMBAHAGIAN BERKANUN	
Kumpulan Wang Rizab-15%(2018-15%)	404,389.25
Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi-2%(2018-2%)	53,918.57
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi-1%(2018-1%)	26,959.28
	<hr/>
	(485,267.10)
	<hr/>
KEUNTUNGAN YANG BELUM DIBAHAGIKAN	2,210,661.26
Tolak: LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN	
Dividen Dicadangkan -5.00% Atas Modal Yuran Pada 30hb Jun 2019	
Berjumlah RM36,763,120.99) (2018-5.80%)	1,838,156.05
Kumpulan Wang Dermasiswa	20,000.00
Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja	50,000.00
Kumpulan Wang Derma Kematian	50,000.00
Kumpulan Wang Perubatan Koperasi	20,000.00
Kumpulan Wang Penebusan Syer	10,000.00
Honorarium Lembaga Dicadangkan	34,500.00
	<hr/>
	(2,022,656.05)
	<hr/>
KEUNTUNGAN SELEPAS PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	188,005.21
Tambah/Tolak: Pelarasan Bukan Operasi:	
-Bayaran Zakat	(183,005.34)
-Honorarium Lembaga terlebih peruntuk	(4,500.00)
-Dividen terlebih peruntuk	319.09
	<hr/>
	(178,186.25)
	<hr/>
	9,818.96
	<hr/>
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN	161,813.17
	<hr/>
BAKI KEUNTUNGAN DIBAWA KE KUNCI KIRA-KIRA	171,632.13
	<hr/>

CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN 2020

	RM
KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN INI	
Bahagian Kredit	514,615.98
Stesen Minyak Petronas	80,490.78
Koservis (Kedai Tayar)	(46,225.45)
Stesen Minyak Caltex Changlun	194,385.97
Stesen Minyak Shell Alor Setar	(91,100.19)
Ar-Rahnu Alor Setar	636,736.65
Ar-Rahnu Guar Chempedak	318,116.95
Perniagaan Gas Petron	282,748.16
JUMLAH KEUNTUNGAN BERSIH	1,889,768.85
Tolak: Pelarasan Operasi	-
	1,889,768.85
Tolak: PEMBAHAGIAN BERKANUN	
Kumpulan Wang Rizab-8%(2019-15%)	151,181.51
Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi-2%(2019-2%)	37,795.38
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi-1%(2019-1%)	18,897.69
	<u>(207,874.58)</u>
KEUNTUNGAN YANG BELUM DIBAHAGIKAN	1,681,894.27
Tolak: LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN	
Dividen Dicadangkan -3.30% Atas Modal Yuran Pada 30hb Jun 2020 Berjumlah RM37,257,439.38) (2019-5.00%)	1,229,495.50
Kumpulan Wang Dermasiswa	20,000.00
Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja	50,000.00
Kumpulan Wang Derma Kematian	50,000.00
Kumpulan Wang Perubatan Koperasi	20,000.00
Kumpulan Wang Penebusan Syer	10,000.00
Honorarium Lembaga Dicadangkan	34,500.00
	<u>(1,413,995.50)</u>
KEUNTUNGAN SELEPAS PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	267,898.77
Tambah/Tolak: Pelarasan Bukan Operasi:	
-Bayaran Zakat	(220,279.52)
	<u>(220,279.52)</u>
	47,619.25
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN	171,632.13
BAKI KEUNTUNGAN DIBAWA KE KUNCI KIRA-KIRA	219,251.38

- 7.3 Tuan Haji Ahmad Zamri bin Ibrahim (3025) memaklumkan bahawa nombor muka surat dalam bentuk PDF tidak sama dengan nombor muka surat dalam Versi Penuh.
- 7.4 Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta Tuan Haji Ahmad Zamri bin Ibrahim (3025) melihat nombor muka surat dalam bentuk PDF sebelah kanan bahagian bawah. Muka surat adalah sama dalam kedua-dua versi berkenaan.
- 7.5 Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677) mencadangkan supaya cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun 2019 dan 2020 seperti yang tercatat di muka surat 205 dan 206, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 66, diluluskan.



- 7.6 Tuan Hj Ismail bin Ahmad (6532) menyokong.
- 7.7 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.

Agenda

08

► Menimbang dan Meluluskan Belanjawan Tahunan Bagi Tahun Kewangan 2021 & 2022:

- Bahagian Kredit
- Stesen Minyak Petronas Alor Setar
- Koservis
- Stesen Minyak Caltex Changloon
- Ar Rahnu Alor Setar
- Ar Rahnu Guar Chempedak
- Stesen Minyak Shell Jalan Langgar
- Perniagaan Gas Petron
- Stesen Minyak Petron Beseri, Perlis
- Stesen Minyak Petron Changloon
- Ar Rahnu Beseri
- Stesen Minyak Buraqoil
- Belanjawan Modal/Aset

- 8.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan Anggaran Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2021 dan 2022 untuk Bahagian Kredit, Stesen Minyak Petronas Alor Setar, Koservis, Stesen Minyak Caltex Changloon, Ar Rahnu Alor Setar, Ar Rahnu Guar Chempedak, Stesen Minyak Shell Jalan Langgar, Perniagaan Gas Petron, Stesen Minyak Petron Beseri, Stesen Minyak Petron Changloon, Ar Rahnu Beseri, Stesen Minyak Buraqoil dan Belanjawan Modal/Aset.
- 8.2 Tuan Bendahari membentangkan Anggaran Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2021 dan 2022 untuk Bahagian Kredit, Stesen Minyak Petronas Alor Setar, Koservis, Stesen Minyak Caltex Changloon, Ar Rahnu Alor Setar, Ar Rahnu Guar Chempedak, Stesen Minyak Shell Jalan Langgar, Perniagaan Gas Petron, Stesen Minyak Petron Beseri, Stesen Minyak Petron Changloon, Ar Rahnu Beseri, Stesen Minyak Buraqoil dan Belanjawan Modal/Aset sepertimana yang terdapat di Lampiran B, C, D, E, F, G, H, I, J, K, L, M dan N Buku Mesyuarat Agung Ke 66 untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 8.3 Encik Roshamidi bin Othman (10514) mencadangkan supaya pembinaan Stesen Minyak baru ditangguhkan sehingga Pandemik Covid-19 berakhir. Beliau merujuk kepada kerugian yang dialami oleh stesen minyak masa kini. Beliau menyokong supaya pembukaan cawangan Ar Rahnu diteruskan.
- 8.4 Tuan Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa cadangan pembinaan Stesen Minyak Petron Changloon telah diluluskan Kebenaran Merancang pada tahun 2018 dan kini di peringkat kelulusan tapak oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Sebarang penangguhan akan melibatkan kos yang lebih tinggi.



Beliau menegaskan bahawa tanah Stesen Minyak Alor Sena telah dibeli pada tahun 2014 dan pembinaan hanya boleh dibuat dalam tahun 2018 dan beroperasi pada 15 Mac 2021. Stesen tersebut mencapai keuntungan.

Beliau bersetuju bahawa Pandemik Covid-19 ada kesannya tetapi Lembaga perlu putuskan yang terbaik untuk Koperasi bila sampai masa yang sesuai memandangkan pembinaan akan hanya siap dalam tahun 2023. Jawatankuasa Pelaburan telah dan akan merancang secara jangka panjang. Lembaga mengambil perhatian atas pandangan tersebut.

- 8.5 Encik Saifu'd-din bin Yaakob (7017) mencadangkan supaya Anggaran Belanjawan tahunan bagi tahun kewangan 2021 dan 2022 untuk Bahagian Kredit, Stesen Minyak Petronas Alor Setar, Koservis, Stesen Minyak Caltex Changloon, Ar Rahnu Alor Setar, Ar Rahnu Guar Chempedak, Stesen Minyak Shell Jalan Langgar, Perniagaan Gas Petron, Stesen Minyak Petron Beseri, Stesen Minyak Petron Changloon, Ar Rahnu Beseri, Stesen Minyak Buraqoil dan Belanjawan Modal/Aset sepertimana yang terdapat di Lampiran B, C, D, E, F, G, H, I, J, K, L, M dan N Buku Mesyuarat Agung Ke 66, diluluskan.
- 8.6 Tuan Haji Ismail bin Ahmad (6532) menyokong.
- 8.7 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.

Agenda

09

- ▶ **Meluluskan Pelantikan Suatu Panel Juruaudit Luar Yang Terdiri Daripada Tidak Lebih Daripada Dua Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Tahun 2021 dan Memberi Kuasa Kepada Lembaga Untuk Memilih Salah Satu Firma Berkenaan Yang Sesuai Serta Menetapkan Bayarannya**

- 9.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan senarai Juruaudit Luar untuk dipilih sebagai panel Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun Koperasi tahun 2021.
- 9.2 Tuan Bendahari membentangkan senarai Juruaudit Luar seperti di muka surat 220 hingga 221, Buku Mesyuarat Agung Ke 66 untuk dipilih sebagai panel Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun Koperasi tahun 2021.
- 9.3 Encik Mohamad Saad bin Haji Md Lazim (7050) mencadangkan supaya pelantikan Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun Koperasi tahun 2021 diserahkan kepada Lembaga. Cadangan ini disokong oleh Encik Saifu'd-din bin Yaakob (7017).
- 9.4 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.



Agenda

10

- **Memberi Kuasa Kepada Lembaga Untuk Membuat Pembiayaan Tidak Lebih Daripada RM30 Juta Dengan Kadar Keuntungan Tidak Melebihi Kadar Pasaran Dan Memberi Kuasa Kepada Lembaga Untuk Membuat Pelaburan Dengan Wang Pembiayaan Tersebut Tertakluk Kepada Peruntukan Dalam Akta Koperasi 1993.**

- 10.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan agenda ini.
- 10.2 Tuan Bendahari membentangkan agenda kesepuluh seperti di muka surat 234, Buku Mesyuarat Agung Ke 66 untuk kelulusan.
- 10.3 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) mencadangkan supaya agenda kesepuluh ini diterima.
- 10.4 Cadangan ini disokong oleh Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677).
- 10.5 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.

Agenda

11

- **Menimbang dan Meluluskan Skop dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan Koperasi Tertakluk Kepada Peruntukan Dalam Akta Koperasi 1993**

- 11.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari membentangkan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
- 11.2 Tuan Bendahari membentangkan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993 seperti muka surat 234, Buku Mesyuarat Agung Ke 66 untuk kelulusan.
- 11.3 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) mencadangkan supaya agenda kesebelas ini diterima.
- 11.4 Cadangan ini disokong oleh Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677).
- 11.5 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.

Agenda

12**▶ Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi**

- 12.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha untuk membentangkan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi.
- 12.2 Tuan Setiausaha memaklumkan bahawa tiada cadangan pindaan Undang-undang Kecil Koperasi kali ini. Beliau membentangkan cadangan pindaan Aturan-Aturan Koperasi seperti di muka surat 222 hingga 234, Buku Mesyuarat Agung Ke 66 dan lampiran tambahan untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 12.3 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) mencadangkan supaya semua pindaan Aturan Kumpulan Wang Perlindungan Kredit, Kumpulan Wang Derma Kematian, Yuran Anggota, Pembiayaan Pekerja dan Aturan Pembiayaan Ar Rahnū Tawarruq yang dicadangkan seperti di muka surat 222 hingga 234, Buku Mesyuarat Agung Ke 66 diluluskan.
- 12.4 Tuan Haji Ahmad Zamri bin Ibrahim (3025) menyokong.
- 12.5 Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara.

Agenda

13**▶ Mendengar, Menimbang Atau Memutuskan Apa-Apa Usul Atau Urusan Lain Koperasi Yang Suatu Notis Yang Tidak Kurang Daripada Tujuh (7) Hari Sebelum Tarikh Mesyuarat Agung Telah Diberikan**

- 13.1 Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha membentangkan usul-usul Lembaga.
- 13.2 Tuan Setiausaha membentangkan dua (2) Usul daripada Lembaga seperti berikut:-

"Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 66 yang bersidang pada 20 November 2021 bersetuju memberi kebenaran kepada Lembaga untuk membina sebuah bangunan berasingan atas sebahagian tanah koperasi bersambung dengan Stesen Minyak Shell Jalan Langgar GM7856, Lot 1554, Bandar Alor Setar, Daerah Kota Setar, Kedah untuk disewa kepada QSR Stores Sdn. Bhd. sebagai Restoran Pandu-Lalu KFC tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Memorandum Perjanjian dan Perjanjian Sewaan."

"Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 66 yang bersidang pada 20 November 2021 bersetuju memberi kebenaran kepada Lembaga untuk membeli tanah milik Koperasi Shamelin Berhad dengan harga RM100,000.00 yang beralamat di Jalan Tengku Mahmud, Yan atas tanah Lot 21, Seksyen 1 No Geran PN 4852, Bandar Yan, Daerah Yan, Kedah seluas 0.8523 hektar dengan harga RM15.00 sekaki. Tanah tapak pertanian. Penilaian oleh IM Global Property Consultants adalah pada nilai RM170,000.00 dengan keluasan 429 meter persegi."

- 13.3 Tuan Setiausaha juga membentangkan sepuluh (10) usul daripada anggota yang diterima oleh Lembaga dan tidak perlu dibahas seperti berikut:-



BIL	NAMA / NO. ANGGOTA	USUL	TARIKH TERIMA	KEPUTUSAN LEMBAGA
1.	HAJJAH SOPIAH BT MAN (8567)	ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT	2021-11-07 15:48:07	
		MOHON DIBERIKAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT KEPADA SEMUA AHLI KOPERASI KERANA TAHUN INI PROSES PERJALANAN MESYUARAT ADALAH BERBEZA DARI TAHUN 2 SEBELUMNYA.		ELAUN HADIR MAT DIBAYAR KEPADA YANG DAFTAR DAN HADIR MAT SAHAJA.
2.	HAJJAH SOPIAH BT MAN (8567)	KADAR FAEDAH YANG LEBIH RENDAH KEPADA AHLI YG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN AR-RAHNU.	2021-11-07 15:51:45	
		MOHON KEISTEMEWAAAN KEPADA AHLI KOPERASI AGAR MENDAPAT KADAR FAEDAH YG LEBIH RENDAH @ DISKAUN BERDASARKAN PERATURAN KEPADA AHLI YG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN AR-RAHNU. TUJUAN SEBAGAI SOKONGAN KEPADA PENGWUJUDAN AR-RAHNU KOPERASI.		AKAN DIBINCANG SECARA TERPERINCI DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AR-RAHNU
3.	MOHAMAD SOBRI BIN HASHIM (8616)	ELAUN KEHADIRAN ANGGOTA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-66 DITAMBAH DARIPADA BIASA	2021-11-10 21:50:32	
		Saya mencadangkan Elaun Kehadiran Mesyuarat Agung Ke-66 ini ditambah dari RM50.00 kepada RM100.00 . Cadangan saya ini disebabkan pada tahun 2020, mesyuarat tahunan ini tidak dapat diadakan. Mohon sokongan dari semua ahli koperasi. PENCADANG NAMA ANGGOTA : MOHAMAD SOBRI BIN HASHIM NOMBOR ANGGOTA: 8616 PENYOKONG NAMA ANGGOTA : SOBRIAH BINTI SALLEH NOMBOR ANGGOTA: 8917		ADALAH MENJADI HASRAT LEMBAGA UNTUK MEMBAYAR ELAUN HADIR MAT KALI INI SEBANYAK RM100 KERANA ANGGOTA TERKESAN COVID-19
4.	ROSHAMIDI BIN OTHMAN (10514)	SENARAI CALON ALK Mencadangkan turutan/senarai calon ALK di buat secara undian.	2021-11-11 22:46:36	
				SEJAJAR DENGAN AMALAN SELAMA INI DIMANA ALK YANG MEMPERTAHAKAN JAWATAN MENGIKUT SENIORITI MANAKALA CALON LAIN MENGIKUT SIAPA YANG AWAL KEMUKAKAN PENCALONAN



BIL	NAMA / NO. ANGGOTA	USUL	TARIKH TERIMA	KEPUTUSAN LEMBAGA
5.	ZAKARIA BIN HAJI MD REJAB (1760)	Elaun kehadiran Mesyuarat Agung Cadangan menaikkan elaun kehadiran mesyuarat kepada RM100.00	2021-11-13 08:53:37	SEPERTI KEPUTUSAN KEPADA USUL KE 3 DI ATAS
6.	ZAKARIA BIN HAJI MD REJAB (1760)	Elaun kehadiran Mesyuarat Agung Cadangan menaikkan elaun Mesyuarat Agung Koperasi sebanyak RM100.00 mulai mesyuarat agung pada 20 hb November 2021	2021-11-13 08:57:24	SEPERTI KEPUTUSAN KEPADA USUL KE 3 DI ATAS
7.	MOHAMAD YAZID ASHROFF BIN IBRAHIM (10933)	Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan 2021 & 2022 Harap pendapatan ahli bertambah dimasa akan datang dan seterusnya.	2021-11-13 09:04:20	AKAN DIAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA
8.	ROKIAH BINTI MEHAT (3162)	Elaun hadir Mesyuarat Agung Usul menaikkan elaun hadir Mesyuarat Agung ke RM100.00 Pd 20 hb. November 2021	2021-11-13 14:02:17	SEPERTI KEPUTUSAN KEPADA USUL KE 3 DI ATAS
9.	AHMAD ZAMRI BIN IBRAHIM (3025)	Pengesahan Minit Mesyuarat Pindaan catatan nama dalam minit mesyuarat buku mesyuarat.... PDF format, Nama : Hj. Ahmad Zamri bin Hj. Ibrahim bukan Zambri Muka surat 34/237 para 2.3 37/237 para 6.8 42/237 para 12.3 43/237 para 13.3, 13.7,13.8 Para 13.8 Saya tidak akan bawa semula cadangan tersebut dalam perkara "Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang2 Kecil dan Aturan Koperasi" Saya mencadangkan supaya dibuat cross check No Ahli Koperasi bagi mendapatkan ejaan sebenar seperti yang terdapat dlm Sistem Koperasi dan mencadang diterima minit mesyuarat ini. Terima kasih	2021-11-13 22:00:32	AKAN DIAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA
10.	AHMAD ZAMRI BIN IBRAHIM (3025)	Lantikan Juru Audit Dalam Koperasi Rujuk muka 51/237 Lantikan semula semua JAD bagi penggal berikutnya	2021-11-13 22:03:50	AKAN DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT LEMBAGA SELARAS DENGAN GP3

- 13.4 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) mencadangkan supaya usul-usul Lembaga tersebut di atas diluluskan.
- 13.5 Encik Saifu'd-din bin Yaakob (7017) menyokong.
- 13.6 Mesyuarat bersetuju terima kedua-dua usul Lembaga di atas dengan sebulat suara.



Pengumuman Keputusan Pengundian Jawatan Anggota Lembaga Koperasi

Tuan Pengerusi Mesyuarat mengumumkan keputusan undian seperti berikut:-

Bil.	Nama Calon	Jumlah Undi
1.	Zabidi bin Ahmad (9235)	428
2.	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (3630)	354
3.	Roshamidi bin Othman (10514)	349
4.	Mohamad Adib bin Yusoff (10050)	346
5.	Dato' Haji Abdullah Sani bin Ibrahim (1601)	291
6.	Radziyuddin bin Said (6352)	237
7.	Haji Mohamad Ibrahim bin Abd Wahab (1694)	123

Tuan Pengerusi Mesyuarat mengumumkan nama calon-calon yang terpilih sebagai Anggota Lembaga Koperasi untuk tempoh 2021 hingga 2024 seperti berikut:-

1. Zabidi bin Ahmad (9235)
2. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (3630)
3. Roshamidi bin Othman (10514)

Beliau mengucapkan tahniah dan selamat bertugas.

PENUTUP

Y.Bhg. Dato' Haji Abdullah Sani bin Ibrahim, Pengerusi Koperasi memberi ucapan penutup seperti berikut:-

1. Elaun kehadiran sebanyak RM100.00 akan dikredit ke dalam akaun bank anggota dalam masa 7 hari bekerja.
2. Dividen 2020 akan dikredit ke dalam akaun bank anggota dalam masa 7 hari bekerja.
3. Merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kakitangan, anggota dan wakil Juruaudit Luar yang memberi kerjasama dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan secara atas talian kali ini.
4. Mengucapkan tahniah kepada ALK yang berjaya dan berharap semua ALK memberi komitmen yang tinggi.
5. Memohon maaf jika ada kesalahan dan kesilapan sepanjang 45 tahun dalam koperasi.
6. Mendoakan koperasi terus maju jaya di masa hadapan.

Beliau mengakhiri mesyuarat dengan ucapan salam.

Pengerusi Mesyuarat mengucapkan tahniah kepada ALK yang berjaya, terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Y.Bhg Dato' Haji Abdullah Sani bin Ibrahim yang telah banyak berjaya dan memberi sumbangan di atas kejayaan koperasi selama ini.



LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA TAHUN 2021

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2021 KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

1. PENDAHULUAN

Lembaga dengan ikhlasnya membentangkan Laporan Tahunan 2021 mengandungi maklumat berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi sepanjang tahun tersebut untuk makluman anggota-anggota.

2. LEMBAGA

2.1 Anggota Lembaga Koperasi

Lembaga Koperasi terdiri daripada 9 orang anggota yang dipilih dalam Mesyuarat Agung seperti berikut:

Bil.	Nama	Tarikh Lantikan
1.	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	20 November 2021
2.	Zabidi bin Ahmad	20 November 2021
3.	Roshamidi bin Othman	20 November 2021
4.	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	15 Jun 2019
5.	Hajah Hasnah binti Ahmad	15 Jun 2019
6.	Haji Romli bin Haji Zakaria	15 Jun 2019
7.	Haji Munir bin Badrul Jamil	02 Jun 2018
8.	Haji Anuar bin Ibrahim	02 Jun 2018
9.	Haji Majib bin Jussoh	02 Jun 2018

Menurut peruntukan seksyen 36(1) Undang-undang Kecil Koperasi, anggota-anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan:-

1. Haji Munir bin Badrul Jamil
2. Haji Anuar bin Ibrahim
3. Haji Majib bin Jussoh

Anggota-anggota perlu memilih tiga (3) orang daripada senarai anggota-anggota yang layak dan telah ditapis dan disahkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk mengisi kekosongan ini.



2.2 Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat Lembaga telah diadakan sebanyak 15 kali dalam tahun 2021. Kehadiran anggota Lembaga di dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Anggota Lembaga	Kehadiran
1.	Haji Anuar bin Ibrahim	15/15
2.	Dato' Haji Abdullah Sani bin Haji Ibrahim	12/12
3.	Haji Majib bin Jussoh	15/15
4.	Haji Munir bin Badrul Jamil	15/15
5.	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	15/15
6.	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	15/15
7.	Hajah Hasnah binti Ahmad	14/15
8.	Zabidi bin Ahmad	15/15
9.	Haji Romli bin Haji Zakaria	15/15
10.	Roshamidi bin Othman	03/03

3. JAWATANKUASA

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa

Semua jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya pada setiap bulan bagi membincangkan dan menguruskan tanggungjawab yang diberikan. Kehadiran anggota jawatankuasa di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah memuaskan. Semua minit mesyuarat jawatankuasa dibentang dalam mesyuarat Lembaga pada setiap bulan untuk perhatian dan kelulusan.

Bil.	Jawatankuasa	Pengerusi	Jumlah Mesyuarat
1.	Pengurusan	Dato' Haji Abdullah Sani bin Haji Ibrahim Haji Anuar bin Ibrahim	11/11 01/01
2.	Stesen Minyak Petronas Alor Setar	Haji Romli bin Haji Zakaria	12/12
3.	Ar Rahnu Alor Setar	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	12/12
4.	Stesen Shell Alor Setar	Haji Anuar bin Ibrahim Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	11/11 01/01
5.	MyTayar	Dato' Haji Abdullah Sani bin Haji Ibrahim Roshamidi bin Othman	11/11 01/01
6.	Stesen Minyak Caltex Changlon	Zabidi bin Ahmad	12/12
7.	Ar Rahnu Guar Chempedak	Hajah Hasnah binti Ahmad	12/12
8.	Perniagaan Gas Petron	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	12/12
9.	Stesen Minyak Petron Beseri	Haji Anuar bin Ibrahim	12/12
10.	Latihan & Pengurusan Maklumat	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	12/12
11.	Kewangan	Haji Munir bin Badrul Jamil	12/12
12.	Khas	Haji Majib bin Jussoh	12/12
13.	Jawatankuasa Pelaburan & Hartanah	Haji Anuar bin Ibrahim	12/12

3.2 Jawatankuasa Audit Dalaman

Bil.	Nama	Tarikh Mula Dilantik
1.	Mohamad Saad bin Haji Md Lazim - Pengerusi JAD	01/12/2021
2.	Haji Ismail bin Ahmad	01/12/2021
3.	Haji Ismail bin Ahmad	01/12/2021
4.	Haji Md Zin bin Hamzah	01/12/2021
5.	Dr. Ismail bin Zakaria	01/12/2021

Pelantikan anggota JAD dilakukan oleh Lembaga mengikut garis panduan yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil Koperasi. Bilangan anggota yang boleh dilantik adalah seramai 5 orang terdiri daripada anggota yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam kerja-kerja audit. Lembaga juga telah melantik seorang kakitangan tetap bagi membantu JAD menjalankan tugas harian. Jawatankuasa Audit Dalaman(JAD) telah membuat pemeriksaan ke atas akaun Koperasi pada setiap bulan dan memberikan laporan mereka kepada Lembaga.

4. AKTIVITI KOPERASI

Aktiviti utama Koperasi sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:-

Bil.	Bahagian-Bahagian	Aktiviti Perniagaan Koperasi
1.	Bahagian Kredit	Pembiayaan, Pelaburan, Pembangunan Hartanah, Sewaan Rumah Kedai dan Pembangunan dan Khidmat Perunding serta Penjualan Sistem Komputer.
2.	Stesen Minyak Petronas Alor Setar	Stesen Minyak Petronas
3.	Ar Rahnu Alor Setar	Ar Rahnu
4.	Stesen Minyak Shell Alor Setar	Stesen Minyak Shell
5.	MyTayar	Pembiayaan, Kedai Tayar & Air Mineral
6.	Stesen Minyak Caltex Changloon	Stesen Minyak Caltex
7.	Ar Rahnu Guar Chempedak	Ar Rahnu
8.	Perniagaan Gas Petron	Gas LPG Petron
9.	Stesen Minyak Petron Alor Sena	Stesen Minyak Petron

4.1 Bahagian Kredit

Aktiviti utama bahagian kredit ialah pembiayaan, menguruskan kutipan yuran, simpanan khas dan bayaran balik pembiayaan serta aktiviti-aktiviti kebajikan untuk anggota.

a. Pembiayaan


Pembiayaan adalah aktiviti utama Koperasi sejak ditubuhkan lagi. Jenis - jenis pembiayaan yang ditawarkan adalah di bawah skim Al-Qard, Bai Bithaman Aajil dan Tawarruq sehingga RM100,000 kepada anggota yang layak dengan bayaran balik selama 120 bulan menurut prinsip pembiayaan Islam.



Bagi tahun kewangan 2021, prestasi pengeluaran pembiayaan terus merosot berbanding tahun 2020 dengan cabaran dan saingan sengit daripada bank-bank tempatan yang menawarkan pakej yang lebih menarik.

Kedudukan akaun pembiayaan anggota bagi tempoh lima tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Baki Awal	30,707,335	30,745,257	28,234,357	27,198,802	23,915,308
Biaya	24,879,854	17,141,123	18,740,753	12,131,941	10,084,573
	55,587,189	47,886,380	46,975,110	39,330,743	33,999,881
Bayar Balik	17,731,630	13,324,851	13,667,924	10,533,170	9,924,382
Baki pembiayaan	37,855,559	34,561,529	33,307,186	28,797,573	24,075,499
Tolak:-Keuntungan Belum Matang	6,943,340	6,160,210	5,941,422	4,715,303	3,583,849
- Hutang Lapuk	166,962	166,962	166,962	166,962	166,962
Baki Akhir	30,745,257	28,234,357	27,198,802	23,915,308	20,324,688




b. Yuran

Sumber aliran tunai utama koperasi adalah melalui yuran yang dikutip daripada anggota-anggota secara potongan gaji bulanan, arahan bank dan tunai. Jumlah yuran bagi tahun semasa meningkat berbanding tahun terdahulu walaupun terdapat anggota membuat pengeluaran yuran dan bagi anggota yang bersara pula membuat pengeluaran 80% yuran. Kedudukan yuran pada tahun 2021 adalah seperti di bawah:




Tahun	Awal (RM)	Masuk (RM)	Berhenti (RM)	Jumlah (RM)
2017	38,385,430	2,690,018	2,006,683	39,068,765
2018	39,068,765	2,622,710	2,643,297	39,048,178
2019	39,048,178	2,611,610	2,454,704	39,205,084
2020	39,205,084	2,565,050	2,061,814	39,708,320
2021	39,708,320	2,785,246	2,283,831	40,209,735



c. Keanggotaan

Kedudukan keanggotaan Koperasi bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di bawah. Keanggotaan Koperasi semakin berkurang walaupun pelbagai kelonggaran dan tawaran diberikan. Anggota yang berhenti kebanyakannya adalah kerana bersara. Baki keanggotaan adalah seperti di bawah:-

Tahun	Awal	Masuk	Berhenti	Baki
2017	5,321	124	1,104	4,341
2018	4,341	101	104	4,338
2019	4,338	99	136	4,301
2020	4,301	18	142	4,177
2021	4,177	20	249	3,948





d. Pelaburan Dalam Saham

Nama Organisasi	RM
<u>Saham Taksiar Harga</u>	
Koperasi Kenderaan Melayu Utara Berhad	50,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	300,000
Koperasi Pembangunan Negeri Kedah Bhd	11,000
CoopBank Pertama Malaysia Berhad	126,521
Koperasi Shamelin	100,000
Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad	10,000

Baki pada akhir tahun	597,521
	=====
<u>Saham Tersiarharga</u>	
Amanah Saham Kedah	188,244
Amlttikal	52,275

	240,519

Tolak: Peruntukan Rosotnilai	144,000

Baki pada akhir tahun	96,519
	=====
Jumlah Besar Pelaburan	755,575
	=====

e. Hartanah

Koperasi mempunyai hartanah seperti senarai di bawah:

Bil.	Lokasi	Tarikh Beli	Harga RM
1.	No.1, Jalan Tun Abdul Razak, Alor Setar	04/07/1983	108,000
2.	No.2, Taman Koperasi Kedah, Alor Setar	01/06/1987	144,500
3.	No.4, Taman Koperasi Kedah, Alor Setar	01/06/1987	139,500
4.	No.8, Taman Koperasi Kedah, Alor Setar	25/12/1991	145,000
5.	No.16, Taman Koperasi Kedah, Alor Setar	01/06/1987	139,500
6.	No.18, Taman Koperasi Kedah, Alor Setar	01/06/1987	144,500
7.	No.24, Taman Koperasi Kedah, Alor Setar	01/06/1987	139,500
8.	No.2, Jln Pandak Mayah1, Kuah, Langkawi	28/05/1988	220,000
9.	No.4, Jln Pandak Mayah1, Kuah, Langkawi	28/05/1988	180,000
10.	No.112, Per.Mutiara, P.P Kelana Mas, L'kawi	06/08/1991	250,000
11.	No.267, Shahab Perdana, Alor Setar	31/12/1997	185,250
12.	No.268, Shahab Perdana, Alor Setar	31/12/1997	185,250
13.	Lot.2877, Lebuhraya U/Selatan, Changlun	29/05/2000	285,000
14.	No.11, Jln. Bukit Putri 9/13, Bandar Putri Jaya, Sungai Petani.	30/03/2014	574,038
15.	Lot. 1554, Batu 4½, Jalan Langgar, Alor Setar.	08/04/2015	3,105,598
16.	Lot 1848 & 1960, Alor Sena, Mukim Padang Pauh, Daerah Perlis, Perlis.	07/02/2017	2,450,000

17.	PT 2073(HSM 3907) Bandar Changloon, Daerah Kubang Pasu, Kedah.	16/07/2018	2,120,000
18.	PT 259 (HSM1612), PT260 (HSM1613), PT261 (HSM1614), PT262 (HSM1615), PT263 (HSM1616) dan PT264 (HSM1617) dahulu dikenali dengan Lot1342 (HSM534) Pulau Belanga, Bandar Kuala Nerang, Daerah Padang Terap, Kedah.	24/06/2018	2,700,000
19.	PT11901, (HSM22878), Alor Penyengat, Jalan Alor Mengkudu, Bandar Alor Setar, Kedah.	01/08/2021	1,099,000

Beberapa unit rumah kedai milik Koperasi telah disewakan (bil 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11,12 dan 13), manakala dua buah kedai (bil 3 dan 4) digunakan sebagai pejabat Koperasi dan yang lainnya digunakan untuk perniagaan sesen minyak dan juga lain-lain perniagaan Koperasi (Koservis dan Ar Rahnu Alor Setar).

f. Penjualan Sistem Komputer dan Perunding Ar Rahnu

Mulai tahun 2010, koperasi secara agresif mencebur diri dalam pembangunan dan penjualan sistem komputer untuk keperluan koperasi koperasi di Malaysia. Koperasi mengambil peluang yang ada berdasarkan pengalaman dan kemampuan terutama dalam sistem anggota, akaun dan Ar Rahnu untuk membangunkan sistem berkenaan dan menjual kepada pasaran terutama koperasi. Terbaru, Sistem Ar Rahnu (SAR 2.0) dan Sistem Pengurusan Koperasi (SPK 3.0) berada di pasaran.

Pada 6 Mac 2017, ANGKASA telah melantik koperasi sebagai Mentor Ar Rahnu (Bukan Francais) untuk melatih koperasi-koperasi yang berminat untuk menceburkan diri dalam perniagaan Ar Rahnu di Malaysia. Di samping melatih operasi Ar Rahnu, koperasi turut menjual sistem dan kepakaran yang ada.


Dengan kepakaran yang ada, koperasi kini menjadi pusat latihan Ar Rahnu kepada koperasi yang ingin menjalankan perniagaan Ar Rahnu.

g. Prestasi Bahagian Kredit

Perolehan daripada aktiviti pembiayaan bersama dengan pendapatan lain seperti pelaburan dan sewaan amat terjejas dengan Pandemik Covid-19 berbanding tahun lepas.

Jadual di bawah menjelaskan lebih terperinci:

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
<i>Perolehan</i>	2,825,213	2,777,592	2,505,081	2,239,422	2,034,573
<i>Perbelanjaan</i>	1,701,200	1,807,535	1,809,595	1,724,806	1,958,282
<i>Untung Bersih</i>	1,124,013	970,057	695,486	514,616	76,291



4.2 Bahagian Stesen Minyak Petronas Alor Setar

a. Aktiviti Stesen


Stesen Minyak Petronas Alor Setar terletak di No.1, Jalan Tun Razak, Alor Setar. Stesen ini merupakan perintis dalam penglibatan Koperasi di bidang perniagaan.

Petronas Dagangan Bhd juga telah melantik Koperasi sebagai wakil penjual bagi stesen tersebut. Barangan yang diniagakan ialah petrol, diesel, minyak pelincir dan aksesori kereta. Manakala Kedai Mesra pula menjual barangan keperluan harian untuk kemudahan pengguna. Stesen ini beroperasi selama 18 jam sehari.

b. Prestasi Stesen

Prestasi stesen bagi tahun 2021 telah terjejas oleh Pandemik Covid-19 dan akibat penutupan stesen selama 2 bulan bagi pertukaran tangka minyak bawah tanah yang baru serta ketidaktentuan harga minyak dipasaran. Prestasi lima tahun adalah seperti di bawah:

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Jualan	9,513,473	9,481,949	8,650,215	6,350,950	5,523,895
Kos Jualan	9,028,885	8,673,319	8,127,489	5,902,834	5,163,362
Untung Kasar	484,588	808,630	522,726	448,116	360,533
Lain-lain Perolehan	144,259	158,337	184,024	196,071	108,792
Jumlah Perolehan	628,847	966,967	706,750	644,187	469,325
Perbelanjaan	529,125	530,243	566,771	563,696	535,149
Untung Bersih	99,722	436,724	139,979	80,491	(65,824)



4.3 Bahagian Koservis


a. Aktiviti Perniagaan

Koservis dahulu dikenali sebagai Kedai Tayar beroperasi di No. 18, Taman Koperasi Kedah, Jalan Tun Razak, Alor Setar. Ia mengendalikan perniagaan jualan tayar, motorsikal, aksesori, bateri, takaful, insurans, air mineral dan lain-lain barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh anggota.

b. Prestasi Perniagaan

Prestasi lima tahun dapat dilihat seperti berikut:

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Jualan	1,134,182	1,132,915	1,039,942	914,310	727,882
Kos Jualan	998,056	1,013,649	941,635	831,842	660,483
Untung Kasar	136,126	119,266	98,307	82,468	67,399
Lain-lain	50,954	46,907	51,726	56,192	44,926
Jumlah Pendapatan	187,080	166,173	150,033	138,660	112,325
Perbelanjaan	173,082	185,157	189,945	184,885	196,193
Keuntungan Bersih	13,998	(18,984)	(39,912)	(46,225)	(83,868)



4.4 Stesen Minyak Caltex Changloon

a. Aktiviti

Stesen Minyak Caltex Changloon terletak di Lot 2877, Lebuhraya Utara Selatan, Changloon, Kedah dan mula beroperasi pada 16 Jun 1998. Tapak stesen ini adalah milik Koperasi dan masih dalam pajakan selama 60 tahun mulai 1 Mac 1992 kepada Chevron Malaysia Bhd. (dahulu dikenali sebagai Caltex Oil Company Berhad).


Chevron melalui wakilnya Pen Petroleum telah melantik Koperasi sebagai wakil penjual bagi menguruskan stesen tersebut. Aktiviti stesen ini adalah menjual petroleum jenama Caltex. Stesen ini membuka operasi kepada pelanggan secara 24 jam sehari.



b. Prestasi Stesen

Prestasi stesen bagi tahun 2021 telah terjejas oleh Pandemik Covid-19 dan ketidaktentuan harga minyak dipasaran. Prestasi lima tahun stesen adalah seperti berikut:-

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Jualan	16,874,024	16,961,725	16,723,520	8,529,011	8,749,990
Kos Jualan	15,991,925	16,196,583	15,676,962	7,884,582	8,172,974
Untung Kasar	882,099	765,142	1,046,558	644,429	577,016
Lain-lain	55,862	107,364	103,725	119,662	101,687
Jumlah Pendapatan	937,961	872,506	1,150,283	764,091	678,703
Perbelanjaan	520,765	529,923	555,373	569,705	609,798
Keuntungan Bersih	417,196	342,583	594,910	194,386	68,905



4.5 Ar Rahn Alor Setar


a. Aktiviti Perniagaan

Ar Rahn Cawangan Alor Setar telah beroperasi mulai 1Julai 1999 di No. 4, Tingkat Bawah, Taman Koperasi Kedah, Jalan Tun Razak, Alor Setar. Ar Rahn adalah usaha koperasi untuk kesejahteraan ummah dengan membantu mereka semasa kesempitan wang secara hutang bercagar menurut peraturan syariah.

b. Prestasi Perniagaan

Prestasi perniagaan bagi tahun 2021 telah terjejas oleh Pandemik Covid-19. Pencapaian lima tahun dapat dilihat seperti berikut:-

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Perolehan	746,966	961,764	1,013,799	909,500	766,562
Perbelanjaan	250,943	276,863	274,429	272,764	298,018
Untung /Rugi Bersih	496,023	684,901	739,370	636,736	468,544



4.6 Ar Rahnau Guar Chempedak


a. Aktiviti Perniagaan

Ar Rahnau Cawangan Guar Chempedak mula beroperasi pada 22 Oktober 2002 di No. 1B & 1C, Tingkat Bawah, Kompleks Majlis Daerah Yan, Jalan Yan, 08800 Guar Chempedak.

b. Prestasi Perniagaan

Prestasi perniagaan bagi tahun 2021 telah terjejas oleh Pandemik Covid-19. Prestasi selama 5 tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Perolehan	704,593	746,289	764,434	680,791	515,024
Perbelanjaan	356,450	373,249	358,927	362,674	366,201
Untung /Rugi Bersih	348,143	373,040	405,507	318,117	148,823



4.7 Stesen Minyak Shell Jalan Langgar

a. Aktiviti Stesen

Stesen Minyak Shell Jalan Langgar terletak di Lot 1544, Batu 4 ½, Jalan Langgar, Alor Setar, Kedah dan mula beroperasi pada 17 April 2015 secara DODO. Tapak stesen ini adalah milik Koperasi sepenuhnya.




Shell Trading Sdn. Bhd. telah melantik Koperasi sebagai wakil penjual bagi menguruskan stesen tersebut. Aktiviti stesen ini adalah menjual petroleum jenama Shell. Stesen ini membuka operasi kepada pelanggan secara 24 jam sehari.

b. Prestasi Stesen

Prestasi stesen bagi tahun 2021 telah terjejas oleh Pandemik Covid-19 dan ketidakpastian harga minyak dipasaran. Prestasi selama 5 tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Jualan	10,249,165	10,392,551	9,818,212	6,452,095	7,677,503
Kos Jualan	9,665,821	9,822,516	9,312,103	6,100,119	7,210,458
Untung Kasar	583,344	570,035	506,109	351,977	467,045
Lain-lain	86,680	76,244	123,916	155,585	128,398
Jumlah Pendapatan	670,024	646,279	630,025	507,562	595,443
Perbelanjaan	501,316	541,817	589,437	598,662	623,585
Untung Bersih	168,708	104,462	40,588	(91,100)	(28,142)



4.8 Perniagaan Gas Petron

a. Aktiviti Perniagaan

Perniagaan Gas Petron terletak di Lot 3240, Batu 2¼, Jalan Datuk Kumbang, 05300 Alor Setar, Kedah dan mula beroperasi pada 16 November 2016. Perniagaan dijalankan atas tanah yang disewa daripada Gassotara Trading.


Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad telah melantik Koperasi sebagai stokis dan wakil penjual Negeri Kedah Utara. Aktiviti perniagaan stokis ini adalah menjual gas LPG jenama Petron. Stokis ini beroperasi 8 jam sehari kecuali hari Jumaat dan cuti umum.

b. Prestasi Perniagaan

Kedudukan prestasi 5 tahun adalah seperti berikut:

Tahun	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Jualan	11,137,250	11,664,588	12,001,434	11,759,988	10,939,770
Kos Jualan	9,020,903	9,433,395	9,755,219	9,375,197	9,147,354
Untung Kasar	2,116,347	2,231,193	2,246,215	2,384,791	1,792,416
Lain-lain	(17,700)	2,834	(14,310)	41,541	6,499
Jumlah Pendapatan	2,098,647	2,234,027	2,231,905	2,426,332	1,798,915
Perbelanjaan	1,672,104	2,009,278	2,112,288	2,143,584	1,699,017
Untung Bersih	426,543	224,749	119,617	282,748	99,898

Nota: Keuntungan bersih adalah selepas mengambilkira peruntukan Muhibbah Perniagaan sebanyak RM224,000.00 setahun untuk selama 15 tahun.



4.9 Stesen Minyak Petron Alor Sena

a. Aktiviti Perniagaan

Stesen Minyak Petron Alor Sena terletak di Lot 1848 & 1960, Alor Sena, Mukim Padang Pauh, Daerah Perlis, Perlis dan mula beroperasi pada 15 Mac 2021. Perniagaan dijalankan atas tanah milik koperasi sendiri secara Dealer Own Dealer Operate (DODO).

Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad telah melantik Koperasi sebagai wakil penjual bagi menguruskan stesen tersebut. Aktiviti stesen ini adalah menjual petroleum jenama Petron. Stesen ini membuka operasi kepada pelanggan secara 16 jam sehari.



b. Prestasi Perniagaan

Kedudukan prestasi 9 bulan bagi tahun pertama adalah seperti berikut:

Tahun	2021 (RM)
Jualan	7,016,220
Kos Jualan	6,523,212
Untung Kasar	493,008
Lain-lain	73,840
Jumlah Pendapatan	566,848
Perbelanjaan	696,093
Untung Bersih	(129,245)



5. ANALISIS KEWANGAN

Prestasi kewangan koperasi tahun 2021 adalah seperti berikut:-

Bil.	Bahagian	2021 (RM)	2020 (RM)	Varian (%)
1.	Bahagian Kredit	76,291	514,616	-85.17
2.	Stesen Minyak Petronas	(65,824)	80,491	-122.28
3.	Koservis	(83,867)	(46,225)	-55.11
4.	Stesen Minyak Caltex Changloon	68,905	194,386	-64.53
5.	Ar Rahn Alor Setar	468,544	636,736	-26.41
6.	Ar Rahn Guar Chempedak	148,823	318,117	-53.21
7.	Stesen Minyak Shell Alor Setar	(28,142)	(91,100)	+69.10
8.	Perniagaan Gas Petron	99,899	282,748	-64.66
9.	Stesen Minyak Petron Alor Sena	(129,245)	-	-
	Jumlah Untung Bersih	555,384	1,889,769	-70.61
	% Dividen	1.00%	3.30%	-330

Jumlah perolehan Koperasi bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM48,957,436.42 meningkat 14.60% berbanding 2020 sebanyak RM42,719,852.19. Kenaikan perolehan disumbang oleh aktiviti stesen minyak, gas memasak, peruncitan dan pelaburan.

Pendapatan tahun 2021 berkurangan disebabkan pandemik Covid-19 mendorong kejatuhan dalam pembiayaan kredit, Ar Rahnua serta Kedai Tayar.

Pada keseluruhannya pendapatan bersih Koperasi berkurangan sebanyak RM555,384, merosot 70.61% berbanding tahun 2020 sebanyak RM1,889,769.

Prestasi yang tidak baik oleh Bahagian Kredit adalah didorong oleh kekurangan permohonan pembiayaan daripada anggota. Jumlah pembiayaan diluluskan agak rendah disebabkan anggota tidak meminjam dan persaingan sengit dengan bank-bank. Sikap anggota yang memilih untuk meminjam dengan institusi kewangan adalah merupakan cabaran kepada koperasi walaupun kadar keuntungan yang dikenakan secara keseluruhannya adalah hampir sama dengan yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Usaha mempromosi produk koperasi terus giat dilakukan.

Prestasi yang kurang baik yang ditunjukkan oleh Ar Rahnua Alor Setar dan Ar Rahnua Guar Chempedak adalah dijangka tidak berterusan tertakluk kepada harga emas di pasaran dunia. Prestasi perniagaan stesen minyak pada keseluruhannya adalah memuaskan walaupun berlaku naikturun harga minyak setiap minggu. Stesen Minyak Alor Sena, Perlis yang baharu beroperasi dijangka menyumbang pendapatan lebih baik pada tahun akan datang.

Prestasi Koservis tidak memuaskan, usaha mentransformasikan kedai tayar telah dilakukan awal tahun 2022 supaya terus relevan dalam perniagaan dengan penyediaan "mesin alignment dan balancing" untuk kemudahan pelanggan.

Pencapaian Perniagaan Gas Petron terus meningkat di samping cabaran yang sengit daripada pesaing yang lama dan baru di pasaran. Namun begitu, perbelanjaan terjejas disebabkan mulai tahun 2018 selaras dengan Dasar Perakaunan, Koperasi membuat peruntukan Pelunasan Muhibbah sebanyak RM224,000.00 setahun selama 15 tahun sejak tahun 2017.

6. PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK

- a) Fasa 1 - 2021 - 2035
- b) Fasa 2 - 2026 - 2030
- c) Fasa 3 - 2031 - 2035

Butiran lengkap berhubung Pelan Strategik tersebut dapat dilihat dalam **Lampiran R**.

7. KURSUS, SEMINAR, LATIHAN, KONVENSYEN, PERSIDANGAN DAN LAIN-LAIN

Koperasi telah menghantar Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, anggota-anggota dan kakitangan bagi menghadiri kursus, seminar dan persidangan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan memberi pengalaman kepada peserta. Dalam tahun 2021, Koperasi telah menghantar wakil untuk menghadiri kursus/seminar tersebut seperti di bawah:



a. Kursus Yang Dihadiri

Tarikh	Tempat	Majlis	Nama Peserta
26.09.2021	Menara KGMK, Persiaran Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah	Program Penyerahan Bantuan dan Pembiayaan Intervensi PEMULIH Ekonomi Negeri Kedah 2021	1. Dato' Hj Abdullah Sani bin Ibrahim

Laporan bagi setiap kursus, seminar, persidangan, forum dan pertemuan yang telah dihadiri oleh penama tersebut di atas telah dikemukakan kepada Urusetia untuk simpanan selaras dengan perkara 37, Peraturan-peraturan Koperasi 2010.

b. Kursus Anjuran Koperasi

Tidak dapat dijalankan disebabkan Pandemik Covid-19.

8. KUNJUNGAN PIHAK LUAR

Tarikh	Nama Organisasi	Bil Pelawat	Tujuan Lawatan
29.03.2021	Koperasi Kakitangan INTER XS Berhad	3 orang	Ar Rahnū

9. SUMBANGAN DERMA DAN ZAKAT

Sepertimana biasa setiap tahun koperasi menyumbang kepada pelbagai pihak termasuk masjid, surau, rumah anak-anak yatim, rumah orang tua bagi pelbagai tujuan kebajikan. Koperasi juga menyumbang bantuan Covid-19 kepada semua kakitangan bagi meringankan beban mereka. Bagi tahun 2021, koperasi telah mengeluarkan sebanyak RM27,968.45 untuk derma dan sumbangan yang diselaraskan oleh bahagian-bahagian perniagaan koperasi seperti berikut:-

i. Bahagian Kredit	RM 9,111.90
ii. Bahagian Stesen Minyak Petronas	RM 2,050.00
iii. Bahagian Koservis (Kedai Tayar)	RM 700.00
iv. Bahagian Stesen Minyak Caltex Changloon	RM 3,180.00
v. Bahagian Stesen Minyak Shell Alor Setar	RM 2,556.55
ix. Bahagian Ar Rahnū Alor Setar	RM 1,950.00
x. Bahagian Ar Rahnū Guar Chempedak	RM 4,420.00
xi. Bahagian Perniagaan Gas Petron	RM 1,750.00
xii. Bahagian Stesen Minyak Petron Alor Sena	RM 2,250.00

Jumlah	RM 27,968.45
	=====


Bagi tahun 2021, koperasi telah mengeluarkan zakat perniagaan sebanyak RM139,513.08 berbanding tahun 2020 sebanyak RM220,279.52. Pembayaran telah dibuat melalui Amil-Amil yang bertauliah yang dilantik oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan mereka bertanggungjawab untuk mengagihkan pula kepada asnaf-asnaf yang layak.

**10. KUMPULAN WANG DERMA KEMATIAN**

Kumpulan Wang ini diwujudkan bertujuan untuk membantu anggota, waris dan tanggungan yang meninggal dunia dengan cara sumbangan wang bagi meringankan beban mereka. Sumbangan diambil daripada tabung yang terkumpul hasil sumbangan anggota-anggota secara bulanan dan peruntukan tahunan daripada keuntungan koperasi. Berikut adalah penyata kumpulan wang derma kematian bagi tahun 2021.

KUMPULAN WANG DERMA KEMATIAN TAHUN 2021

	2021 RM	2020 RM
BAKI PADA AWAL TAHUN	628,815.45	447,965.45
CAMPUR: KUTIPAN TAHUN INI	477,480.00	457,490.00
PERUNTUKAN DARIPADA AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	-	50,000.00
	<u>1,106,295.45</u>	<u>955,455.45</u>
TOLAK: BAYARAN SUMBANGAN KEMATIAN-		
- ANGGOTA @ RM 12,000 x 21	252,000.00	84,000.00
- ANGGOTA @ RM 10,000 x 10	100,000.00	90,000.00
- ANGGOTA @ RM 8,000 x 6	48,000.00	32,000.00
- ANGGOTA @ RM 4,000 x 1	4,000.00	-
- ANGGOTA @ RM 2,000	-	4,000.00
- SUAMI @ RM 2,000 x 10	20,000.00	34,000.00
- ISTERI @ RM 2,000 x 15	30,000.00	24,000.00
- ANAK @ RM 500 x 3	1,500.00	500.00
- BAPA @ RM 500 x 49	24,500.00	21,000.00
- EMAK @ RM 500 x 78	39,000.00	35,500.00
- PELBAGAI	4,040.00	1,640.00
	<u>523,040.00</u>	<u>326,640.00</u>
BAKI PADA 31 DISEMBER 2021	<u>583,255.45</u>	<u>628,815.45</u>

**Sumbangan Khairat Kematian
Bagi Tempoh 5 Tahun**



11. DERMASISWA

Dermaiswa dikeluarkan kepada anggota adalah bertujuan untuk meringankan beban menghantar anak-anak mereka ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pada tahun 2019 koperasi menyumbang kepada 82 orang anak-anak anggota yang berjaya masuk ke IPTA dan IPTS dengan dermaiswa sebanyak RM300.00 seorang berjumlah RM24,600.00 berbanding tahun 2018 sebanyak RM39,600.00 kepada 132 orang anak-anak anggota.

Iklan tawaran dermaiswa dibuka pada bulan Mei setiap tahun. Anggota yang mempunyai anak-anak yang ditawarkan masuk ke IPTA atau IPTS menggunakan keputusan SPM tahun sebelumnya adalah layak memohon. Kedudukan tabung dermaiswa bagi tahun ini adalah seperti berikut:

KUMPULAN WANG DERMASISWA 2021				RM
Baki pada 1 Januari 2021				83,359.67
Tambah: Peruntukan Tahun ini				-
				<u>83,359.67</u>
Tolak: Sumbangan Tahun Ini				
UITM	300	X	9	2,700.00
POLITEKNIK	300	X	2	600.00
K. Matrik	300	X	5	1,500.00
UUM	300	X	1	300.00
UPSI	300	X	1	300.00
UNIMAP	300	X	1	300.00
UNISEL	300	X	1	300.00
UMT	300	X	1	300.00
UTEM	300	X	1	300.00
IUM	300	X	1	300.00
UNISHAM	300	X	1	300.00
IPG	300	X	2	600.00
IPTS & Lain-Lain	300	X	5	1,500.00
			<u>300 X 31</u>	<u>9,300.00</u>
Baki pada 31 Disember 2021				74,059.67 =====

12. CADANGAN PROJEK BARU

a. Stesen Minyak Buraqoil Kuala Nerang

Koperasi telah membeli tanah tapak stesen minyak dan rumah kediaman bercampur serta hak sebagai pengedar oleh Petronas Dagangan Berhad. Oleh kerana Petronas menarik balik hak sebagai pengedar, Koperasi terpaksa memohon kepada Buraqoil Sdn. Bhd bagi menguruskan Stesen Buraqoil Kuala Nerang dengan harga RM2.7 juta. Kebenaran merancang sudah diluluskan, begitu juga permohonan ubah syarat tanah daripada pertanian kepada komersial oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri baru diluluskan dan dalam tindakan Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap. Setelah urusan selesai, koperasi akan membangunkan stesen minyak dan projek berkenaan adalah berdaya maju.

**b. Stesen Petron, Taman Jelutong, Changloon**

Koperasi telah membeli tanah tapak stesen tersebut daripada syarikat pemaju pada harga RM2.1 juta dan baru mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Kedah berhubung taraf Melayu. Koperasi telah mendapat hak sebagai pengedar dengan Petron Malaysia Sdn. Bhd. sebagai DODO. KPDNHEP telah meluluskan sekatan 25 km daripada sempadan kepada koperasi. Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah diperolehi daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu. Kebenaran tapak masih menunggu kelulusan KPDNHEP.

c. KFC Shell Jalan Langgar, Alor Setar, Kedah

Pada 22 Julai 2020, QSR Stores Sdn. Bhd. telah mengemukakan hasrat untuk menyewa sebuah bangunan untuk restoran makanan segera atas tanah sebelah tapak Stesen Shell Jalan Langgar, Alor Setar, Kedah pada harga RM3 juta. Koperasi akan memperolehi sewa dan komisen jualan setiap bulan. Cadangan ini dijangka akan meningkatkan jualan Stesen Minyak Shell dan menambah pendapatan Koperasi secara keseluruhan. Kebenaran Merancang telah diperolehi daripada Majlis Bandaraya Alor Setar.

d. Ar Rahnu Arau

Koperasi dalam proses membeli rumah kedai 3 tingkat di No. 15, Medan Arau Jaya, Jalan Medan Arau Jaya, 02600 Arau Perlis untuk dijadikan Ar Rahnu. Harga rumah kedai yang baru disiapkan tersebut adalah RM1,350,00.00. Berdasarkan kajian, didapati, permintaan kepada Ar Rahnu tidak terhad dan tidak mencukupi. Dengan pembukaan ini, cawangan Ar Rahnu milik Koperasi menjadi 3 buah.

13. PENGIKTIRAFAN

Menurut Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2021, Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad telah meningkat ke kedudukan tempat ke 10 berbanding tempat ke 30 pada tahun 2020. Ini merupakan kedudukan ranking yang paling tinggi pernah dicapai oleh Koperasi. Manakala di peringkat Negeri Kedah, koperasi ini berada di tempat Pertama. Indeks tersebut dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sejak tahun 2008. Berikut adalah kedudukan koperasi sebagai dalam Indeks tersebut-

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Indeks	11	12	11	17	14	15	16	13	25	19	15	32	30	10



14. PENGHARGAAN

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota dan kakitangan Koperasi. Tanpa sokongan mereka yang kukuh, dedikasi dan usaha kuat serta sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam memajukan Koperasi ini, maka kemajuan sekarang tidak mungkin tercapai. Ribuan terima kasih juga tidak ketinggalan diucapkan kepada:-

- Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia(SKM), Pengarah SKM Negeri Kedah dan pegawai-pegawainya kerana pimpinan, nasihat dan tunjukajar yang telah diberikan,
- Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Negeri, Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pengetua-Pengetua dan Guru-guru Besar atas kerjasama,
- ANGKASA, Jabatan Akauntan Negara dan Bendahari Negeri Kedah yang mengendalikan potongan-potongan untuk Koperasi,
- Juruaudit Luar dan Jawatankuasa Audit Dalaman,
- Institut Koperasi Malaysia(IKMa), Institut Pendidikan Guru, pertubuhan-pertubuhan dan orang perseorangan yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan Koperasi.

Bagi pihak Lembaga Koperasi

(HAJI MAJIB BIN JUSSOH, PCK)
Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

Pendaftaran Di Buka !!



Asas Microsoft Word
Asas Microsoft Excel
Asas Microsoft Powerpoint

Bengkel Asas Fotografi

Kem Anak Soleh

Team Building

Bengkel Asas Photoshop

Bengkel Ar Rahnū
(Tanpa Francais)

**SIJIL
DISEDIAKAN**

*Tempat: Bilik Mesyuarat Koperasi,
No. 2 & 4 Taman Koperasi, Jln Tun Razak,
05200 Alor Setar, Kedah.*

*Yuran Pasti Murah !!
Makan Disediakan*

Hubungi : Pn. As : 013-4478890 @ Pn. Far : 019-5678002



LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN TAHUN 2021



LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2021

PENDAHULUAN

1. Laporan tahunan ini disediakan bagi memenuhi peraturan 14(1)(b) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

PELANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

2. Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dilantik mengikut Seksyen 42A (1) Akta Koperasi 1993 (Akta 502) untuk tempoh satu tahun bagi mematuhi Peraturan 22 (1), Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Pelantikan Anggota Jawatankuasa bagi sesi ini bermula pada tarikh 1 Julai 2019 sehingga 19 November 2021 berikutan penundaan tarikh MAT Ke 66 disebabkan Pandemik Covid-19. Pelantikan baharu hanya dibuat semula pada 1 Disember 2021.

Anggota Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada:-

- i. Mohamad Saad bin Hj Md Lazim (7050) – Pengerusi.
- ii. Hj. Ismail bin Ahmad (2472) – Ahli.
- iii. Hj. Md Zin bin Hamzah (4457) – Ahli.
- iv. Hj. Ismail bin Ahmad (6532) – Ahli.
- v. Dr. Ismail bin Zakaria (7568) – Ahli.

METHODOLOGI DAN SKOP AUDIT

3. Pengauditan dijalankan adalah meliputi perkara-perkara tertentu bagi tempoh transaksi bulan Januari hingga Disember 2021.

Semakan di pejabat telah dibuat terhadap baucar-baucar, resit, penyata bank dan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh sistem komputer seperti lejar am dan sebagainya.

Selain itu, semakan luar juga telah dibuat oleh JAD di premis-premis perniagaan. Namun begitu tugas ini agak terhad semasa tempoh pelaksanaan pelbagai peringkat PKP dan diikuti SOP yang ketat menyebabkan JAD hanya mengunjungi beberapa premis tertentu sahaja berdasarkan keperluan semasa.

BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG DIAUDIT


4. Sepanjang tahun 2021, terdapat 9 bahagian/premis di bawah KPPKNK yang telah diaudit oleh JAD. Bahagian-bahagian tersebut adalah Bahagian Kredit, Ar-Rahnu Alor Setar, Ar-Rahnu Guar Cempedak, Stesen Minyak Petronas, Stesen Minyak Caltex, Stesen Minyak Shell, Koservis, Gas-Petron (stokis) dan Stesen Minyak Petron Paya Sena. Sepanjang tempoh menjalankan tugas pengauditan, pihak JAD juga tidak menghadapi masalah kerana laporan-laporan yang dikemukakan oleh setiap Bahagian adalah lengkap dan memenuhi keperluan audit.
5. Tugas pengauditan tahun ini berjalan seperti biasa meskipun prestasi perniagaan beberapa Bahagian agak terjejas khususnya semasa tempoh PKP yang berlarutan dari awal hingga akhir tahun.

PENEMUAN AUDIT

6. Penemuan-penemuan audit yang dijalankan pada setiap bulan telah dikemukakan kepada pihak Lembaga Pengarah untuk diteliti dan diberi perhatian. Laporan berkenaan juga telah dipanjangkan kepada Pengurus Pengurus Bahagian yang berkaitan bagi mendapatkan maklumbalas mengenai sesuatu isu dan penemuan.
7. Semua maklumbalas yang diterima daripada Bahagian-bahagian telah disemak semula oleh JAD bagi mengenalpasti punca masalah dan menilai tahap kawalan yang dijalankan bagi memastikan kesilapan yang sama tidak berulang.

PENGHARGAAN

8. Jawatankuasa ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi, Anggota Lembaga Koperasi dan Pengurus Pengurus Bahagian yang telah memberi sokongan dan kerjasama kepada Jawatankuasa ini bagi melaksanakan tugas pengauditan disemua Bahagian di bawah Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.


(MOHAMAD SAAD BIN HJ MD LAZIM)
PENERUSI
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN,
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD.

25 Mei 2022.



**PENYATA
KEWANGAN
BERAKHIR
31 DISEMBER 2021**



JAMAL, AMIN & PARTNERS
Chartered Accountants

Correspondence Address:
1584 2nd Floor, Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar, Kedah Darul Aman, Malaysia
Tel: +604-734 5022 Fax: +604-734 9400 E-mail: jaulara5@gmail.com Website: www.jamalamin.com.my

A Member Firm of Malaysian
Institute of Accountants
(MIA 1067)
A Member Firm of
Labuan Offshore
Financial Services
Authority - LOFSA
(AAJ 0022)

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-Anggota Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad

Tetuan,

Laporan Ke Atas Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31hb. Disember, 2021 bagi Koperasi dan Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai bagi Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan polisi-polisi perakaunan penting dan nota-nota penerangan yang lain, yang dibentangkan pada muka surat 7 hingga 64.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31hb. Disember, 2021 serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian di Malaysia dan Akta Koperasi 1993.

Asas kepada Pendapat

20045	Perkhidmatan Percetakan	1,000	440.00	1,000	2,000	2,000
20046	Perkhidmatan Perubatan	4,800	2,222.00	4,800	8,000	8,000
20048	Perkhidmatan Keselamatan	29,200	16,890.00	23,360	23,360	27,305
20051	Bonus Tahunan	36,600	500.00	39,200	45,000	45,000
20052	Kerai dan Hospitaliti	6,600	7,774.65	6,600	6,600	6,600
20054	Derma dan Sumbangan	4,000	2,250.00	4,000	5,000	5,000
20055	Yuran Gabungan	200	0.00	200	200	200
20056	Lesen Perniagaan dan Iklan	1,500	744.00	1,500	1,500	1,500
20057	Belian Insurans Am	11,900	10,397.40	17,500	17,500	17,500
20068	Caj Bank	6,000	12,712.61	6,000	6,000	8,400
20069	Belanja Cukai GST/SST	3,000	1,013.40	3,000	3,000	3,000
20070	Komisen Jualan	2,000	0.00	2,000	2,000	2,000
20073	Sewaan	6,000	9,700.00	6,000	6,000	20,400
20079	Promosi	10,000	1,786.28	10,000	10,000	10,000
20080	Pelbagai	5,000	11,086.72	5,000	5,000	8,000
20081	Susutnilai Harta, Loji dan Peralatan	120,000	198,729.37	225,000	225,000	225,000
20083	Menghapus Kira Kehilangan (Susutan Barang)	4,000	0.00	2,000	2,000	2,000
		11,214,625	7,957,642.25	15,161,425	15,742,135	17,237,325
	Kelebihan/(Kekurangan) Pendapatan Daripada Perbelanjaan	274,975	(129,245.34)	309,775	283,665	288,475

**ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2023
(BAHAGIAN STESEN MINYAK PETRON CHANGLUN)**

KOD	BUTIRAN AKAUN	ANGGARAN 2022 (RM)	ANGGARAN 2023 (RM)
PENDAPATAN			
10005	Keuntungan Akaun Semasa	2,250	1,500
10011	Jualan Minyak Ron 97	504,000	420,000
10012	Jualan Minyak Ron 95	5,241,600	3,494,400
10013	Jualan Minyak Diesel EURO5	410,400	273,600
10014	Jualan Minyak Diesel B10	4,512,600	3,008,400
10015	Jualan Bahan Pelincir dan Bahan Bakar	10,800	7,200
10028	Jualan Kedai Treats	360,000	240,000
10030	Jualan Touch N Go	270,000	180,000
10031	Jualan Mobile Money/Ezeelink	180,000	120,000
10035	Komisen	108,900	108,900
10036	Diskaun/Rebate	9,000	9,000
10038	Sewaan	13,500	9,000
10043	Pelbagai Terimaan	9,000	6,000
		11,632,050	7,878,000
PERBELANJAAN			
20001	Gaji dan Upahan	202,500	154,200
20002	Caruman KWSP	38,070	25,980
20003	Carauman PERKESO	4,675	3,215
20004	Elaun Lebih Masa	21,955	15,520
20006	Elaun Pengerusi Jawatankuasa Tadbir	6,750	4,500
20007	Elaun Mesyuarat	14,250	10,200
20008	Elaun Jawatankuasa Audit Dalaman	6,750	4,500
20009	Elaun Dobi	2,160	1,440
20010	Elaun-Elaun Yang Lain	9,555	7,890
20011	Perjalanan dan Sara Hidup	17,500	12,400
20012	Perhubungan (Pos dan Telekom)	5,850	4,850
20013	Utiliti (Elektrik dan Air)	38,250	25,500
20014	Bekalan Pejabat dan Alat Tulis	5,800	5,800
20015	Pakaian Seragam	11,200	11,200
20016	Bekalan Am (Rumahtangga)	4,000	4,000
20017	Belian Minyak Ron 97	477,000	402,000
20018	Belian Minyak Ron 95	4,863,600	3,242,000
20019	Belian Minyak Diesel EURO5	392,400	261,600
20020	Belian Minyak Diesel B10	4,305,600	2,870,400
20021	Belian Minyak Pelincir dan Bahan Bakar	8,100	6,000
20034	Belian Kedai Treats	315,000	210,000
20036	Belian Touch N Go	225,000	150,000
20037	Belian Mobile Money/Ezeelink	135,000	90,000
20040	Penyelenggaraan dan Pembaikan	10,000	10,000
20042	Perkhidmatan Juruaudit Luar	2,000	2,000
20043	Perkhidmatan Perundangan/Pengurusan/Perunding	1,000	1,000
20044	Perkhidmatan Latihan/Kursus/ Seminar/Lawatan	3,000	3,000
20045	Perkhidmatan Percetakan	1,000	1,000
20046	Perkhidmatan Perubatan	4,800	5,600
20048	Perkhidmatan Keselamatan	19,584	13,765
20052	Keraian dan Hospitaliti	10,000	10,000
20054	Derma dan Sumbangan	5,000	5,000
20055	Yuran Gabungan	200	200
20056	Lesen Perniagaan dan Iklan	1,500	1,500
20057	Belian Insurans Am	17,500	17,500
20068	Caj Bank	4,500	3,000
20069	Belanja Cukai GST/SST	3,000	3,000
20070	Komisen Jualan	2,000	2,000
20073	Sewaan	6,000	6,000
20079	Promosi	10,000	10,000
20080	Pelbagai	5,000	5,000
20081	Susutnilai Harta, Loji dan Peralatan	225,000	225,000
20083	Menghapus Kira Kehilangan (Susutan Barang)	2,000	2,000
		11,444,049	7,849,760
	Kelebihan/(Kekurangan) Pendapatan Daripada Perbelanjaan	188,001	28,240



**ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2023
(BAHAGIAN AR RAHNU ARAU)**

KOD	BUTIRAN AKAUN	ANGGARAN 2022 (RM)	ANGGARAN 2023 (RM)
	<u>PENDAPATAN</u>		
10003	Keuntungan Atas Pembiayaan	175,500	175,500
10005	Keuntungan Akaun Semasa	1,125	1,125
10008	Bayaran Pentadbiran/Pengurusan	4,500	4,500
10009	Bayaran Upah Simpan	0	0
10043	Pelbagai Terimaan	5,000	5,000
10048	Subsidi Upah (PERKESO)	0	0
		186,125	186,125
	<u>PERBELANJAAN</u>		
20001	Gaji dan Upahan	57,600	64,800
20002	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	10,920	11,135
20003	Caruman PERKESO	1,320	1,390
20004	Elaun Lebih Masa	1,255	1,415
20006	Elaun Pengerusi Jawatankuasa Tadbir	6,750	6,750
20007	Elaun Mesyuarat	14,250	14,250
20008	Elaun Jawatankuasa Audit Dalam	6,750	6,750
20010	Elaun-Elaun Yang Lain	1,875	1,875
20011	Perjalanan dan Sara Hidup	15,750	15,750
20012	Perhubungan (Pos dan Telekom)	6,680	6,680
20013	Utiliti (Elektrik dan Air)	9,900	9,900
20014	Bekalan Pejabat dan Alat Tulis	7,000	7,000
20015	Pakaian Seragam	2,800	2,800
20016	Bekalan Am (Rumahtangga)	4,000	4,000
20040	Penyelenggaraan dan Pembaikan	9,500	9,500
20042	Perkhidmatan Juruaudit Luar	1,700	1,700
20043	Perkhidmatan Perundangan/ Pengurusan/Perunding/Jurulelong	3,000	3,000
20044	Perkhidmatan Latihan/Kursus/ Seminar/Lawatan	2,500	2,500
20045	Perkhidmatan Percetakan	3,600	3,600
20046	Perkhidmatan Perubatan	2,000	2,000
20047	Perkhidmatan Komputer dan Prosesan Data	5,000	5,000
20048	Perkhidmatan Keselamatan	58,755	61,710
20052	Keraian dan Hospitaliti	10,000	10,000
20054	Derma dan Sumbangan	5,000	5,000
20055	Yuran Gabungan	500	500
20056	Lesen Perniagaan dan Iklan	2,000	2,000
20057	Belian Insurans Am	24,160	24,160
20068	Caj Bank	500	500
20069	Belanja Cukai GST/SST	6,000	6,000
20073	Sewaan	24,000	24,000
20079	Promosi	10,000	10,000
20080	Pelbagai	3,000	3,000
20081	Susutnilai Harta, Loji dan Peralatan	18,000	18,000
20085	Hapuskira Pelbagai Penghutang	1,000	1,000
		337,065	347,665
	Kelebihan/(Kekurangan) Pendapatan Daripada Perbelanjaan	(150,940)	(161,540)

**ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2023
(BAHAGIAN STESEN MINYAK BURAOOIL)**

KOD	BUTIRAN AKAUN	ANGGARAN 2022 (RM)	ANGGARAN 2023 (RM)
PENDAPATAN			
10005	Keuntungan Akaun Semasa	2,250	2,250
10012	Jualan Minyak Ron 95	3,120,000	3,120,000
10014	Jualan Minyak Diesel B10	784,800	1,569,600
10015	Jualan Bahan Pelincir dan Bahan Bakar	7,200	7,200
10030	Jualan Touch N Go	120,000	120,000
10031	Jualan Mobile Money/Ezeelink	120,000	120,000
10035	Komisen	40,362	40,362
10036	Diskaun/Rebate	6,000	6,000
10043	Pelbagai Terimaan	6,000	6,000
10050	Jualan Kedai BURAOmart	240,000	240,000
		4,446,612	5,231,412
PERBELANJAAN			
20001	Gaji dan Upahan	118,800	135,600
20002	Caruman KWSP	23,540	22,900
20003	Carauman PERKESO	2,955	2,835
20004	Elaun Lebih Masa	12,870	13,505
20006	Elaun Pengerusi Jawatankuasa Tadbir	4,500	4,500
20007	Elaun Mesyuarat	9,500	10,200
20008	Elaun Jawatankuasa Audit Dalaman	4,500	4,500
20009	Elaun Dobi	1,260	1,260
20010	Elaun-Elaun Yang Lain	6,210	6,210
20011	Perjalanan dan Sara Hidup	11,500	11,500
20012	Perhubungan (Pos dan Telekom)	3,860	3,860
20013	Utiliti (Elektrik dan Air)	25,500	25,500
20014	Bekalan Pejabat dan Alat Tulis	5,800	5,800
20015	Pakaian Seragam	9,800	9,800
20016	Bekalan Am (Rumahtangga)	4,000	4,000
20018	Belian Minyak Ron 95	2,895,000	2,895,000
20020	Belian Minyak Diesel B10	748,800	1,497,600
20021	Belian Minyak Pelincir dan Bahan Bakar	5,400	5,400
20036	Belian Touch N Go	90,000	90,000
20037	Belian Mobile Money/Ezeelink	90,000	90,000
20040	Penyelenggaraan dan Pembaikan	5,000	6,000
20042	Perkhidmatan Juruaudit Luar	2,000	2,000
20043	Perkhidmatan Perundangan/Pengurusan/Perunding	1,000	1,000
20044	Perkhidmatan Latihan/Kursus/ Seminar/Lawatan	3,000	3,000
20045	Perkhidmatan Percetakan	1,000	1,000
20046	Perkhidmatan Perubatan	4,200	4,900
20048	Perkhidmatan Keselamatan	11,776	13,765
20051	Bonus Tahunan	0	0
20052	Keraian dan Hospitaliti	10,000	10,000
20054	Derma dan Sumbangan	5,000	5,000
20055	Yuran Gabungan	200	200
20056	Lesen Perniagaan dan Iklan	1,500	1,500
20057	Belian Insurans Am	17,500	17,500
20068	Caj Bank	1,800	1,800
20069	Belanja Cukai GST/SST	3,000	3,000
20070	Komisen Jualan	2,000	2,000
20079	Promosi	10,000	10,000
20080	Pelbagai	5,000	5,000
20081	Susutnilai Harta, Loji dan Peralatan	100,000	100,000
20083	Menghapus Kira Kehilangan (Susutan Barang)	2,000	2,000
20092	Belian Kedai BURAOmart	210,000	210,000
		4,469,771	5,239,635
	Kelebihan/(Kekurangan) Pendapatan Daripada Perbelanjaan	(23,159)	(8,223)



**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD
ANGGARAN BELANJAWAN MODAL/ASET BAGI TAHUN 2023**

KOD	BUTIRAN AKAUN	SEBENAR 2020 (RM)	SEBENAR 2021 (RM)	ANGGARAN 2021 (RM)	ANGGARAN 2022 (RM)	ANGGARAN 2023 (RM)
2100	Tanah	0	1,137,552.00	3,000,000	2,000,000	5,000,000
2101	Bangunan	0	4,564,082.15	7,000,000	7,000,000	10,000,000
2102	Perabot & Perabut	2,360.00	11,590.00	50,000	50,000	50,000
2100	Perkakasan Pejabat	13,398.50	18,001.20	150,000	150,000	150,000
2104	Perkakasan Stesen/Kedai	0	33,201.90	50,000	50,000	50,000
2105	Kelengkapan Bengkel /Stesen	0	-	0	0	100,000
2106	Ubahsuai Pejabat/Bangunan	0.00	-	500,000	500,000	5,000,000
2107	Papantanda	0.00	2,380.00	50,000	150,000	50,000
2108	Komputer	18,792.74	39,876.40	100,000	200,000	100,000
2109	Perisian dan Aplikasi	0	-	50,000	0	100,000
2110	Kenderaan	0	-	0	100,000	100,000
		34,551.24	5,806,683.65	10,950,000	10,200,000	20,700,000

**SENARAI FIRMA-FIRMA AUDIT LUAR SWASTA YANG BERDAFTAR
DENGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

- | | |
|---|---|
| <p>1. AHMAD RAZI & CO
124, Tingkat 1, Komplek Alor Setar
Lebuhraya Darulaman,
05100 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7339782</p> | <p>2. MGI-AL-JEFRI.
3A, Wisma Perbandaran,
Jalan Ibrahim,
08000 Sungai Petani,
Kedah.
Tel:04-4210234</p> |
| <p>3. GEE & CO
103, Tingkat 2,
Kompleks Alor Setar,
Lebuhraya Darulaman,
05000 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7315877 & 7315172</p> | <p>4. HISHAM & CO.
44A, Tingkat 1 (Left Wing)
Jalan Todak 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Prai,
Pulau Pinang.
Tel:04-3999119 & 389119</p> |
| <p>5. JALIL & CO.
No.83, Tingkat 1,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu,
Terengganu.
Tel:09-6233764</p> | <p>6. ZAMBRAN & ASSOCIATES
64A, Jalan Ahmad Shah 1,
28000 Temerloh,
Pahang.
Tel: 09-2961384</p> |
| <p>7. JAMAL, AMIN & PARTNERS
No.22, Tingkat 1,
Jalan Telok Wanjah,
05200 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7345022</p> | <p>8. E. K. TANG & CO.
68, Kompleks Alor Malai,
Batu 2, Jalan Langgar,
05460 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7313689</p> |
| <p>9. H.T.TAN & ASSOCIATES
Tingkat 2, B2 & B3
Jalan Bakar Arang,
08000 Sungai Petani,
Kedah.
Tel:04-4213721</p> | <p>10. KHAIRUDDIN HASYUDEEN & RAZI
B-5-7, Megan Avenue,
12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur.
Tel:03-27107717</p> |
| <p>11. KAMAL ZAHARI & CO.
NO.18, Aras 1B, Jalan Shahab 3
Komplek Shahab Perdana,
05150 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7351027</p> | <p>12. NOH & ASSOCIATES
147, Tingkat Bawah, Jalan Sepat 5,
Taman Wira Mergong,
Jln. Sultanah Sambungan
05350 Alor Setar.
Kedah.
Tel:04-7344146</p> |



13. **AHMAD ZAINI CONSULTANT**
269, Tingkat 1, Jalan Shahab 1
Komplek Shahab Perdana,
05150 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7343799 & 7300799
14. **KIAT & ASSOCIATES**
Tingkat Satu,
25, Seberang Jalan Putra,
05150 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7339211
15. **RAZIMAH & CO**
5015, Tingkat Satu(B),
Taman PKNK,
05200 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7316489
16. **POR OOI & CO.**
399-4 Tingkat 1,
Lebuh Intan,
08000 Sungai Petani,
Kedah.
Tel:04-4215133
17. **ZURAIDAH AND PARTNERS**
No.286, Tingkat Bawah,
Jalan Shahab 1,Shahab Perdana,
Lebuhraya Sultanah Bahiyah,
05150 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7325493
Fax:04-7325493
18. **AZMAN AHMAD & CO.**
5015, Tingkat 1(B),
Taman PKNK,
Jalan Tun Razak,
05200 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7347105
19. **KHAIRUDDIN & RAKAN
ENTERPRISE**
38, Jalan 12/62,
Bandar Manjalara,
52200 Kuala Lumpur.
Tel:03-6345905
20. **MOHD HASHIM LATIF &
ASSOCIATES**
252-B, Kampong Pinggir,
Lembah Jaya Selatan,
68000 Ampang, Selangor.
Tel:03-4971234
21. **BAQIR HUSSAIN,
YEAP ASSOCIATES**
126, Tingkat1,
Kompleks Alor Star,
05100 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7328900
22. **NORIZA & CO.**
272, Tingkat 1, Jalan Shahab 1
Komplek Shahab Perdana,
05150 Alor Setar,
Kedah.
Tel:04-7343799 & 7300799



KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD
CADANGAN PINDAAN ATURAN KOPERASI
ATURAN KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN KREDIT

FASAL	PERKARA	ASAL	CADANGAN PINDAAN
7	JENIS PERLINDUNGAN	1) Perlindungan di bawah Kumpulan Wang ini hanya untuk keadaan berikut:- (a) Anggota meminjam dan meninggal dunia. (b) Kes-kes yang difikirkan munasabah dan diluluskan oleh Lembaga.	Perlindungan di bawah Kumpulan Wang ini adalah untuk baki kredit anggota yang mendapat pembiayaan dan meninggal dunia.
10	PENGELUARAN DARI KUMPULAN WANG INI	Anggota yang diberikan kredit di bawah Aturan 7(a), Lembaga berkuasa menggunakan wang syer, yuran dan lain-lain hak kepentingan anggota itu di koperasi ini untuk menjelaskan baki kreditnya. Lembaga seterusnya boleh menggunakan wang dari Kumpulan Wang ini untuk menjelaskan baki kreditnya.	Lembaga boleh menggunakan wang dari Kumpulan Wang ini untuk menjelaskan baki kreditnya anggota yang meninggal dunia selaras dengan Aturan 7. Lembaga juga berkuasa menggunakan wang syer, yuran dan lain-lain hak kepentingan anggota itu di koperasi ini untuk menjelaskan baki kreditnya jika jumlah pengeluaran daripada Kumpulan Wang ini tidak mencukupi.
11	PENGELUARAN DARI KUMPULAN WANG INI	Anggota yang diberikan kredit tetapi tertunggak di bawah Aturan 7(b) dan setelah 3 bulan gagal membuat bayaran balik baki kredit, Lembaga berkuasa menggunakan wang modal syer, yuran dan lain-lain hak kepentingan anggota itu di koperasi ini untuk menjelaskan baki kredit.	Dibatalkan.
12	PENGELUARAN DARI KUMPULAN WANG INI	Setelah mengambil tindakan perkara 11, Lembaga seterusnya boleh menggunakan wang dari Kumpulan ini untuk menjelaskan baki kredit setelah semua cara termasuk tindakan undang-undang diambil untuk mendapatkan baki kredit.	Dibatalkan.



HAD KEBERHUTANGAN (PINJAMAN) DAN SKOP SERTA HAD PELABURAN

NO.	KATEGORI PELABURAN	KADAR HAD PELABURAN DIBENARKAN MENGIKUT GP10 SKM	CADANGAN KADAR HAD PELABURAN KPPKNK
1.	Akaun Pelaburan Bank/Pasaran Wang "Repo" dan lain-lain bentuk tunai yang tiada risiko	Tiada Had	Minima 25%
2.	Unit Amanah/SahamSiarharga / Saham Taksiarharga	Tidak melebihi 10% jumlah dana -ikut peraturan GP10 SKM	10%
3.	Projek Yang Diusahakan sendiri: Kewangan / Pergudangan / Perkhidmatan / Projek-projek lain yang diluluskan oleh SKM	Tidak melebihi 50% jumlah dana dalam projek -ikut peraturan GP10 SKM	50%
4.	Pelaburan Dalam saham Projek Yang Diusahakan Oleh Pihak Luar ; Kewangan / Pergudangan / Perkhidmatan / Projek-projek yang diluluskan oleh SKM	Tidak melebihi 10% jumlah dana dalam saham syarikat projek yang dilabur -ikut peraturan GP10 SKM	10%
5.	Pelaburan Hartanah	Tidak melebihi 50% jumlah dana dalam projek -ikut peraturan GP10 SKM	50%

**HAD PELABURAN DICADANGKAN UNTUK KELULUSAN MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN RM100,000,000**

PERATURAN-PERATURAN DAN POLISI PELABURAN KPPKNKB

1. KPPKNKB hendaklah menetapkan tujuan hartanah samada untuk keuntungan atau kebajikan sebelum mencadangkan sesuatu pelaburan baru.
2. Pelaburan Hartanah didefinisikan sebagai aset takalih yang menjana keuntungan keatas pelaburan (ROI) sekurang-kurangnya pada purata 5% setahun dan ini tidak tertakluk kepada sebarang tujuan pelaburan hartanah tersebut.
3. Undang-undang Kecil KPPKNKB mempunyai peruntukan berkenaan aktiviti pelaburan khas seperti di atas.
4. Kelulusan Mesyuarat Lembaga KPPKNKB dan Mesyuarat Agung Tahunan KPPKNKB telah diperolehi untuk melaksanakan aktiviti pelaburan khas.
5. Mewujudkan aturan bertulis mengenai pelaburan khas yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan KPPKNKB.
6. Jika sumber pelaburan diperolehi dari koperasi lain (tidak melebihi 20% dari jumlah pelaburan) maka prospektus perlu disediakan dan kelulusan SKM perlu di perolehi.
7. Mematuhi peruntukan undang-undang bertulis yang lain, jika perlu.
8. Mengkaji dan menganalisa risiko pelaburan (pengurusan risiko) dengan melantik satu badan profesional sebelum mendapat kelulusan Lembaga/Mesyuarat Agung Tahunan KPPKNKB.
9. Mematuhi garis panduan SKM GP 10: Garis panduan Mengenai Skim Pelaburan Khas, Peraturan Pelaburan 2010 di bawah Akta Koperasi dan lain-lain garis panduan SKM yang berkaitan.



PELAN STRATEGIK

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD (KPPKNKB) 2021-2035

Pengenalan Pelan Strategik KPPKNKB 2021 – 2035

Dokumen ini dibangunkan bagi merekodkan perancangan halatuju baru KPPKNKB di dalam meneruskan perniagaan-perniagaan yang diterokai selama ini. Dokumen ini juga dibangunkan sebagai satu dokumentasi yang merekodkan Visi, Misi dan Objektif KPPKNKB menuju ke fasa seterusnya selari dengan hasrat untuk menjadi sebuah koperasi yang lebih berdaya saing dan mampu menerajui bidang-bidang perniagaan yang diceburi.

Seterusnya, Pelan Strategik KPPKNKB 2021-2035 ini juga adalah satu dokumen perancangan yang membentangkan strategi-strategi yang dibangunkan beserta dengan petunjuk-petunjuk prestasi utama (KPI) selaras dengan keupayaan dalaman KPPKNKB dan juga cabaran-cabaran yang dibentuk oleh faktor-faktor luaran yang memberi kesan kepada operasi KPPKNKB secara keseluruhannya.

Latar Belakang Organisasi

Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad telah ditubuhkan pada 23 April 1953 di bawah seksyen 7, Co-operative Societies Ordinance, 1948. Kemudiannya ordinan tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Koperasi 1993. Sehubungan dengan perubahan tersebut itu, Koperasi kini tertakluk di bawah Akta Koperasi, 1993.

Sejak ditubuhkan, Koperasi telah berjaya menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan setiap tahun tanpa tertinggal. Koperasi mempunyai anggota-anggota yang aktif seramai lebih kurang 4,304 orang yang mana terdiri daripada kakitangan kerajaan berjawatan tetap dalam negeri Kedah.

Pada masa ini, Koperasi ditadbir oleh 9 orang Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka terdiri daripada anggota-anggota yang berpengalaman dalam selok-belok Koperasi dan dibantu oleh kakitangan seramai 96 orang.

Aktiviti utama Koperasi adalah memberi pembiayaan kepada anggota-anggotanya, menjalankan Stesen Minyak, Kedai Tayar, Kedai Motorsikal, Ar Rahnu, pelaburan dalam syer dan penyewaan kedai.



VISI KPPKNKB 2021-2035

“MENJADI PENERAJU KOPERASI YANG MENAWARKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN STRATEGIK TERUNGUNGUL MENJELANG TAHUN 2035”

Bagi meneruskan kesinambungan pencapaian perniagaan-perniagaan yang telah diterokai dan akan diterokai, KPPKNKB berazam untuk terus melangkah ke hadapan untuk menjadi peneraju utama di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

Secara umumnya, keseluruhan bidang-bidang perniagaan yang diterokai oleh KPPKNKB ini dilihat boleh dikembangkan menjadi perniagaan-perniagaan yang boleh menyumbang kepada keuntungan yang lebih tinggi dalam jangka masa panjang kepada koperasi. Perniagaan-perniagaan ini juga dilihat akan kekal relevan untuk satu jangka masa yang panjang kerana pasarannya yang luas dan permintaannya yang berpanjangan.

Untuk itu, di dalam fasa pembangunan seterusnya, KPPKNKB akan menggandakan usaha untuk meningkatkan keupayaan pembangunan dan penghasilan produk baru dan perkhidmatan sedia ada serta produk dan perkhidmatan baru agar keseluruhan koperasi dapat menjadi lebih kompetitif. Di samping itu juga, KPPKNKB berazam untuk mengembangkan keseluruhan perniagaan ke pasaran-pasaran baru yang lebih strategik dan menguntungkan selari dengan hasrat untuk menjadi organisasi yang mantap dan disegani.

MISI KPPKNKB 2021-2035

“MENAWARKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN STRATEGIK SECARA PROFESSIONAL DALAM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN SEIRING PERKEMBANGAN PESAT EKONOMI DUNIA”

Organisasi yang mantap dan disegani yang menerajui perniagaan-perniagaan strategik seharusnya mampu memberikan komitmen yang tinggi kepada usaha-usaha untuk menawarkan kepuasan pelanggan yang tinggi kerana tidak dapat dinafikan bahawa pelanggan-pelanggan adalah faktor/sumber utama kepada hasil koperasi.

Selari dengan kehendak dan keperluan pelanggan yang sentiasa berubah, usaha-usaha ini seharusnya dibangunkan secara dinamik (berterusan) dan inovatif yang disokong oleh anggota koperasi, sistem dan kaedah penyampaian KPPKNKB, secara keseluruhannya, yang lebih cekap dan berkesan.


OBJEKTIF STRATEGIK KPPKNKB 2021-2035

“MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK DAN BERKUALITI SERTA MEWUJUDKAN SUASANA PERNIAGAAN BERTARAF ANTARABANGSA”

Menjadi peneraju kepada perniagaan-perniagaan yang strategik di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia ini adalah satu sasaran yang mampu dicapai jika keseluruhan sistem KPPKNKB dapat digabungkan dan dieksploitasikan sepenuhnya dengan baik dan berkesan di dalam satu jangka masa yang munasabah.

Menuju ke arah itu, adalah menjadi hasrat anggota KPPKNKB untuk menjadikan tahun 2035 sebagai sasaran pencapaian yang diharapkan sebagaimana yang didokumenkan.

STRUKTUR ORGANISASI





BIDANG-BIDANG PENCAPAIAN UTAMA (KRA)

Pada asasnya, keseluruhan organisasi KPPKNKB berazam untuk menjadi peneraju di dalam sektor-sektor yang strategik yang diceburi dengan memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

i. Pengukuhan Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan yang mantap adalah hasrat utama keseluruhan organisasi KPPKNKB di dalam memastikan peningkatan daya saing organisasi di dalam keseluruhan pelaburan yang telah dan akan dibuat. Secara umumnya, KPPKNKB berazam agar dapat meningkatkan keseluruhan pendapatan sebanyak 10%-14% setahun bagi memastikan ianya selari dengan hasrat untuk menjadi peneraju di rantau ini. Di antara fokus utama ialah :-

- i. Meningkatkan dan mengukuhkan sistem pentadbiran kewangan
- ii. Meminimumkan kos operasi
- iii. Meningkatkan jualan
- iv. Memantapkan hasil yang sedia ada
- v. Mewujudkan produk yang berinovatif
- vi. Mewujudkan hasil baru atau pasaran baru yang berpotensi tinggi
- vii. Penambahan anggota dan yuran anggota

ii. Penembusan Pasaran Baru

KPPKNKB percaya bahawa mencari dan membuka pasaran baru memerlukan penelitian yang rumit serta melibatkan kos yang tinggi, penilaian lokasi yang strategik, penilaian dari segi permintaan pelanggan dan sebagainya. Pada peringkat permulaan, KPPKNKB memberi fokus kepada tiga bidang keberhasilan utama Koperasi iaitu Kredit, Stesen Minyak dan Ar Rahnu (Pajak Gadai Islam) yang dijangka akan memberi impak positif kepada perkembangan perniagaan koperasi. Antara strategi peringkat permulaan yang akan digunapakai adalah seperti berikut:-

- i. Mengembangkan pasaran kredit di kawasan berpotensi tinggi
- ii. Menambahkan bilangan cawangan stesen minyak di setiap penempatan
- iii. Menambahkan bilangan cawangan Ar Rahnu di setiap daerah

iii. Peningkatan Kepuasan Pelanggan

Kepuasan pelanggan yang lebih baik adalah sasaran utama setiap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. KPPKNKB percaya bahawa hanya kepuasan yang tinggi dalam kalangan pelanggan akan dapat memastikan pelanggan sedia ada dapat dikekalkan. Kepuasan pelanggan yang tinggi juga disasarkan dapat membuka peluang KPPKNKB untuk meneroka peluang-peluang baru dan juga pasaran-pasaran baru bagi membantu usaha-usaha meningkatkan pendapatan dan keuntungan organisasi. Secara umumnya, keseluruhan anggota KPPKNKB berazam untuk bergerak ke arah pencapaian sifar rungutan pelanggan menjelang 2035 dengan menekankan beberapa aspek berikut:-

- i. Mewujudkan produk baru yang lebih kompetitif
- ii. Memperkenalkan perkhidmatan Pinjaman Kredit Atas Talian
- iii. Mewujudkan kemudahan semakan status atas talian
- iv. Meningkatkan promosi dan interaksi kepada pelanggan melalui medium konvensional dan media baru meliputi Facebook, Twitter, Instagram dan laman web dengan lebih berkesan



iv. Produk/Perkhidmatan Yang Berkualiti

Keberkesanan dan kecekapan koperasi bergantung tinggi kepada keberkesanan dan kecekapan keseluruhan pengurusan rantai perniagaan yang melibatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh itu, penumpuan yang lebih tinggi akan disasarkan kepada pemantapan hubungan di antara KPPKNKB dengan pembekal dan juga pengedar di dalam semua bidang-bidang perniagaan yang berkaitan serta pengurusan kaunter yang mesra pelanggan. Produk/perkhidmatan yang berkualiti merupakan aspek penting yang perlu diberi keutamaan bagi memastikan pelanggan setia menggunakan produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi. Antara faktor yang perlu diberi perhatian dalam menjana produk/perkhidmatan yang berkualiti adalah seperti berikut:-

- i. Mewujudkan suasana yang selesa dan mesra pelanggan
- ii. Memberikan perkhidmatan yang cepat, mudah dan berkesan
- iii. Pemberian rebat kepada pelanggan setia
- iv. Sentiasa memperbaiki dan meningkatkan kualiti produk/perkhidmatan

SASARAN UNIT-UNIT UTAMA KPPKNKB

Bagi menyokong hasrat untuk menjadikan perniagaan-perniagaan yang diceburi oleh KPPKNKB lebih strategik dan seterusnya menjadi peneraju utama di dalam semua bidang perniagaan yang diceburi, keseluruhan bahagian-bahagian utama KPPKNKB telah digandingkan bersama strategi-strategi yang lebih mantap dan mensasarkan pencapaian-pencapaian yang lebih mampan selaras dengan halatuju berikut:

STRATEGI-STRATEGI PELAKSANAAN

KEWANGAN

Dari sudut pendapatan, KPPKNKB pada dasarnya memiliki 9 Bahagian utama iaitu Bahagian Kredit, Empat Stesen Minyak, Dua Ar-Rahnu, Satu Koservis, dan Satu Unit ICT. KPPKNKB mensasarkan peningkatan 14% daripada pendapatan semasa setiap portfolio dapat direalisasikan melalui strategi-strategi berikut:

- A. Penerokaan Pendapatan Baru: RM10 Juta setahun sehingga tahun 2035. Penerokaan pendapatan baru ini meliputi peningkatan pendapatan perniagaan sedia ada serta penambahan cawangan/perniagaan baru.
- B. Peningkatan Pendapatan di pasaran sedia ada: Mensasarkan 10%-14% setahun bagi setiap portfolio
 - i. **Bahagian Kredit**
 - Meningkatkan promosi kepada anggota Koperasi.
 - Mempermudahkan dan mempercepatkan prosedur pinjaman kepada anggota koperasi.
 - Meningkatkan had pinjaman tunai
 - Menambahkan produk baru yang lebih berdaya saing
 - ii. **Stesen Minyak**
 - Menambahkan bilangan stesen minyak setiap tahun
 - Mensasarkan satu penempatan (lokali) satu stesen minyak
 - Memberikan servis tambahan kepada pelanggan



iii. **Ar Rahn**

- Mengembangkan Ar Rahn di setiap daerah di Kedah.
- Meningkatkan promosi
- Memberi perkhidmatan yang cepat, mudah dan selamat
- Jangka masa urusan gadaian tidak melebihi 10 minit.

iv. **ICT**

- Membangunkan Sistem Pengurusan Koperasi (SPK) dan Sistem Ar-Rahn baru yang lebih selamat dan berkesan.
- Memasarkan sistem yang telah dibangunkan

v. **Koservis**

- Meningkatkan kecekapan perkhidmatan servis tayar
- Menjalankan promosi yang berkesan
- Mengamalkan prinsip cepat, mudah dan berkesan dari semua aspek.

PELANGGAN

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan selaras dengan kehendak dan keperluan pelanggan, KPPKNKB menekankan beberapa aspek utama termasuk pengurusan kepuasan pelanggan dan penembusan pasaran baru, antara rangkuman strategi-strategi yang dibangunkan adalah seperti berikut:-

i. **Bahagian Kredit**

- Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan kaunter
- Memberikan khidmat bantuan secara praktikal kepada pelanggan
- Menawarkan pelbagai kemudahan dari segi persekitaran kaunter mahupun produk perkhidmatan
- Sentiasa peka dalam membuat tindakan susulan bagi setiap aduan atau masalah pelanggan
- Memberikan kualiti perkhidmatan terbaik kepada pelanggan

ii. **Stesen Minyak**

- Menawarkan promosi tambahan kepada pelanggan
- Menawarkan perkhidmatan berkualiti, cepat dan mesra pelanggan
- Meletakkan ikon yang dapat menarik perhatian pelanggan
- Menawarkan perkhidmatan lain yang mampu memberikan keyakinan kepada pelanggan untuk setia melanggan di premis koperasi
- Membuka cawangan baru di kawasan yang mempunyai permintaan tinggi

iii. **Ar Rahn**

- Menawarkan perkhidmatan kaunter yang mesra pelanggan dan sistematik
- Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan kaunter
- Memberikan khidmat bantuan secara praktikal kepada pelanggan
- Menawarkan pelbagai kemudahan dari segi persekitaran kaunter mahupun produk perkhidmatan
- Sentiasa peka dalam membuat tindakan susulan bagi setiap aduan atau masalah pelanggan

- Menawarkan perkhidmatan lain yang dapat menggamit hati pelanggan untuk setia mengunjungi premis Ar Rahn Koperasi
- Membuka cawangan baru di kawasan berpotensi dan mendapat permintaan tinggi

iv. ICT

- Menawarkan perkhidmatan penghasilan sistem yang cepat dan mudah diguna
- Sentiasa peka dalam membuat tindakan susulan bagi setiap aduan atau masalah pelanggan
- Menawarkan harga yang lebih murah dan berpatutan

v. Koservis

- Memberikan perkhidmatan yang cekap dan pantas
- Menyediakan suasana menunggu yang selesa
- Menawarkan harga produk dan perkhidmatan yang lebih murah
- Menyediakan produk tambahan yang dapat memikat hati pelanggan

PROSES DALAMAN

Bagi meningkatkan proses-proses dan memantapkan perkhidmatan sedia ada, strategi-strategi yang dibangunkan adalah seperti berikut:-

i. Penambahbaikan Kualiti Produk dan Perkhidmatan

Kualiti produk dan perkhidmatan merupakan antara faktor utama yang akan dinilai oleh pelanggan. Kualiti produk dan perkhidmatan yang baik mampu memberikan impak positif kepada kesetiaan pelanggan untuk terus bersama koperasi. Penambahbaikan ini boleh dilaksanakan melalui beberapa proses termasuklah dengan menyediakan borang maklumbalas kepuasan pelanggan serta aduan pelanggan.

ii. Pengurangan Kos Operasi

Dalam pengurusan koperasi, kawalan kos operasi yang baik mampu menyelamatkan koperasi daripada menanggung kerugian di bawah sedar. Pengurangan kos operasi dapat dipraktikkan dengan mengambilkira perbelanjaan yang menjadi keutamaan dan memberi manfaat kepada koperasi dengan mengurangkan kesilapan-kesilapan kecil yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Koperasi mensasarkan dapat mengurangkan kos operasi 1%-3% setahun atau dengan kadar yang munasabah.

iii. Teknik Pemasaran Baru

Pemasaran merupakan antara aspek penting dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan koperasi. Antara medium yang biasa digunakan untuk mempromosikan produk/perkhidmatan adalah seperti risalah, surat khabar, laman web, emel, banner dan papan tanda. Teknologi berkembang dengan pesat pada masa kini memudahkan lagi promosi dilaksanakan dengan kos yang minima. Antara medium baru yang boleh digunakan adalah Facebook, Twitter, Telegram, Tiktok dan sebagainya lagi. Koperasi hanya menambah maklumat kenalan pelanggan dalam kumpulan dan seterusnya menghebahkan promosi-promosi terbaru dengan kos yang sangat minima.

iv. Menambahkan Bilangan Kaunter

Perkhidmatan yang cepat merupakan aspek penting dalam memastikan pelanggan tidak lama menunggu giliran. Apabila perniagaan berkembang, pastinya pelanggan semakin ramai dan memerlukan servis yang cepat. Menambah bilangan kaunter adalah penting dalam memastikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan.



v. Menambahbaik Sistem Pengurusan Koperasi

Sistem berkomputer yang lengkap dan pelbagai guna antara aspek penting yang perlu dititikberatkan. Sistem pengurusan kaunter yang cepat dan mudah dapat menjimatkan masa pelanggan di kaunter. Ini termasuk sistem pengurusan pengkalan data pelanggan yang mudah dirujuk dan lebih sistematik.

vi. Peningkatan Kesedaran Awam

Pada masa kini, masih ramai yang tidak mengetahui dan fungsi koperasi serta matlamat yang ingin dicapai oleh koperasi secara umumnya. Kesedaran ini perlu dipupuk dari semasa ke semasa agar penduduk sekitar mengetahui kelebihan berkoperasi dalam masa yang sama, koperasi dapat menghebahkan produk yang ditawarkan dengan lebih berkesan. Program kesedaran ini perlu dilaksanakan secara berkala dengan kerjasama oleh badan-badan yang berkaitan seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan lain-lain koperasi yang dapat berganding bahu memperkenalkan dan memberi kesedaran kepada umum mengenai kewujudan Koperasi.

vii. Pelaksanaan Audit Berkala

Jawatankuasa Audit merupakan satu badan yang menilai tahap kecekapan pengurusan koperasi secara praktikalnya. Setiap koperasi disarankan memiliki Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) agar setiap dokumen pengurusan dan kewangan dapat diteliti setiap kesilapan agar dapat diperbetulkan dengan kadar yang segera. Auditan ini biasanya dilaksanakan setiap bulan.

PEMBELAJARAN & PENGEMBANGAN

i. Kursus untuk Pekerja

Koperasi digalakkan menghantar pekerja-pekerja ke kursus/bengkel/seminar secara berkala atau secara berperingkat agar pekerja dapat menimba ilmu dengan lebih mendalam mengenai tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan. Selain itu, kursus juga dapat memberi pengalaman baru kepada pekerja mengenai tanggungjawab sebagai pekerja, tugas-tugas yang perlu diberi keutamaan serta dapat mengeratkan silaturrahim antara pekerja koperasi dengan koperasi lain yang terlibat. Secara tidak langsung, koperasi dapat menimba ilmu daripada pengalaman koperasi lain yang berjaya dalam bidang masing-masing

ii. Pengkhususan Tugas

Merangka semula penstrukturan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada pekerja agar pekerja lama dapat merasai tugas baru yang lebih mencabar dan berpadanan dengan kenaikan tahunan yang diberikan oleh majikan. Rombakan tugas ini penting dalam pentadbiran koperasi agar pekerja dapat merasai dan mempelajari tugas baru yang diamanahkan oleh majikan. Setelah penstrukturan semula dan rombakan tugas dibuat, pengkhususan perlu dibuat agar pekerja dapat memberi fokus kepada skop tugas yang telah diberikan.

iii. Latihan Berterusan

Pengetahuan dan ilmu yang sedia ada kepada pekerja memberi kelebihan kepada koperasi untuk mentadbir koperasi dengan lebih cekap dan berkesan. Namun latihan yang berterusan juga penting bagi menambah nilai kualiti kerja terutamanya di bahagian kaunter yang memerlukan pekerja yang mahir dan mesra pelanggan.

iv. Anugerah dan Pengiktirafan

Memberikan ganjaran kepada pekerja yang berkaitan dalam membantu memajukan koperasi seperti bonus dan insentif dapat menggalakkan pekerja untuk bekerja dengan lebih gigih dan lebih bertanggungjawab, ia juga sebagai penghargaan atas komitmen yang disumbangkan kepada koperasi.



PENGUKURAN DAN PETUNJUK-PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Bagi merealisasikan hasrat untuk menjadi peneraju koperasi yang menawarkan pelbagai perkhidmatan strategik terunggul di wilayah utara semenanjung, KPPKNKB telah mensasarkan pencapaian-pencapaian berikut bagi strategi-strategi yang telah dikenalpasti:-

FASA I (2021-2025)

Aspek Prestasi	No.	Strategi	Faktor Ukuran	KPI					
				Sekarang	2021	2022	2023	2024	2025
Kewangan		F1 – Penjanaan hasil baru	Peningkatan Hasil (RM)	-	10 J	10 J	10 J	10 J	10 J
		F2 – Peningkatan hasil perkhidmatan yang berinovasi							
		F3 – Peningkatan hasil sedia ada							
		> Kredit	Peratus Peningkatan hasil	2,129,855.00	14%	14%	14%	14%	14%
		> Stesen Minyak	Peratus Peningkatan hasil	30,998,726.00	14%	14%	14%	14%	14%
		> Ar-Rahnu	Peratus Peningkatan hasil	829,521.00	14%	14%	14%	14%	14%
		> Ko-Servis	Peratus Peningkatan hasil	1,795,921.00	14%	14%	14%	14%	14%
			35,754,023.00						
Pelanggan		C1 – Pengurusan kepuasan pelanggan	CSAT Index (asas 4.0)	-	3.75	3.75	3.75	3.75	3.75
		C2 – Penembusan pasaran baru							
		> Kredit	Bil. Pasaran baru / thn	-					
		> Stesen Minyak	Bil. Pasaran baru / thn	-	1	-	2	-	-
		> Ar-Rahnu	Bil. Pasaran baru / thn	-	-	-	-	1	-
		> ICT	Bil. Pasaran baru / thn			1			
		>KFC					1		

Proses Dalam	P1 – Penambahbaikan kualiti produk dan proses	Bil. Inisiatif Penambahbaikan	-	1	1	1	1	1	1	1
	P2 – Pengurangan kos operasi									
	> Kredit	Peratusan Pengurangan Kos	-	2%	1%		2%	1%	2%	1%
	> Stesen Minyak	Peratusan Pengurangan Kos	-	1%		1%	1%			2%
	> Ar-Rahnu	Peratusan Pengurangan Kos	-	3%	2%	2%	2%	2%	1%	3%
	> ICT	Peratusan Pengurangan Kos	-	2%	1%	1%	1%	1%	1%	1%
	P3 – Pengurusan hubungan pelanggan	Bil. Borang maklumbalas	-	100 0	100 0	1500	1000	2000	1000	2500
	P4 – Meningkatkan promosi	Bil. Promosi berkala / thn	-	2	2	3	2	3	2	3
	P5 – Mengurus pembangunan produk baru									
	1. inovasi produk	Bil. Inovasi / thn	-	1	1	1	1	1	1	1
2. produk baru	Bil. Produk / thn	-	-	1	-	-	1			
P6 – Peningkatan Kesedaran Awam										
P7 – Perlaksanaan Audit Berkala										
Pembelajaran & Pengembangan	L1 – Memperkayakan budaya inovasi , kreatif dan berdaya saing	Bil. Kursus/Seminar / thn		5	10	10	15	20	25	25
	L2 – Membangunkan Infrastruktur yang sihat	Bil. Infrastruktur / thn		1	1	1	1	1	1	1
	L3 – Latihan Berterusan	Bil. Modul Latihan / thn		1	1	1	1	1	1	1
	L4 – Anugerah dan Pengiktirafan	Bil. Anugerah / thn		5	10	10	15	15	20	20



FASA II (2026-2030)

Aspek Prestasi	No.	Strategi	Faktor Ukuran	KPI					
				Sekarang	2026	2027	2028	2029	2030
Kewangan		F1 – Penjanaan hasil baru	Peningkatan Hasil (RM)	-	10 J	10 J	10 J	10 J	10 J
		F2 – Peningkatan hasil perkhidmatan yang berinovasi							
		F3 – Peningkatan hasil sedia ada							
		> Kredit	Peratus Peningkatan hasil	4,100,854.00	14%	14%	14%	14%	14%
		> Stesen Minyak	Peratus Peningkatan hasil	59,685,399.00	14%	14%	14%	14%	14%
		> Ar-Rahnu	Peratus Peningkatan hasil	1,597,172.00	14%	14%	14%	14%	14%
		> Ko-Servis	Peratus Peningkatan hasil	3,457,892.00	14%	14%	14%	14%	14%
			68,841,317.00						
Pelanggan		C1 – Pengurusan kepuasan pelanggan	CSAT Index (asas 4.0)	-	3.75	3.75	3.75	3.75	3.75
		C2 – Penembusan pasaran baru							
		> Kredit	Bil. Pasaran baru / thn	-					
		> Stesen Minyak	Bil. Pasaran baru / thn	-	-	-	-	-	1
		> Ar-Rahnu	Bil. Pasaran baru / thn	-	1	-	1	-	-
		> ICT	Bil. Pasaran baru / thn			1			

Proses Dalam	P1 – Penambahbaikan kualiti produk dan proses	Bil. Inisiatif Penambahbaikan	-	1	1	1	1	1	1	1
	P2 – Pengurangan kos operasi									
	> Kredit	Peratusan Pengurangan Kos	-	2%	1%		2%	1%	2%	1%
	> Stesen Minyak	Peratusan Pengurangan Kos	-	1%		1%	1%			2%
	> Ar-Rahnu	Peratusan Pengurangan Kos	-	3%	2%	2%	2%	2%	1%	3%
	> ICT	Peratusan Pengurangan Kos	-	2%	1%	1%	1%	1%	1%	1%
	P3 – Pengurusan hubungan pelanggan	Bil. Borang maklumbalas	-	1000	1000	1500	1000	2000	1000	2500
	P4 – Meningkatkan promosi	Bil. Promosi berkala / thn	-	2	2	3	2	3	2	3
	P5 – Mengurus pembangunan produk baru									
	1. inovasi produk	Bil. Inovasi / thn	-	1	1	1	1	1	1	1
2. produk baru	Bil. Produk / thn	-	-	1	-	-	1			
P6 – Peningkatan Kesedaran Awam										
P7 – Perlaksanaan Audit Berkala										
Pembelajaran & Pengembangan	L1 – Memperkayakan budaya inovasi, kreatif dan berdaya saing	Bil. Kursus/Seminar / thn		5	10	10	15	20	25	25
	L2 – Membangunkan Infrastruktur yang sihat	Bil. Infrastruktur / thn		1	1	1	1	1	1	1
	L3 – Latihan Berterusan	Bil. Modul Latihan / thn		1	1	1	1	1	1	1
	L4 – Anugerah dan Pengiktirafan	Bil. Anugerah / thn		5	10	10	15	15	20	20

FASA III (2031-2035)

Aspek Prestasi	No.	Strategi	Faktor Ukuran	KPI					
				Sekarang	2031	2032	2033	2034	2035
Kewangan	F1 – Penjana hasil baru	Peningkatan Hasil (RM)	-	10 J	10 J	10 J	10 J	10 J	10 J
	F2 – Peningkatan hasil perkhidmatan yang berinovasi								
	F3 – Peningkatan hasil sedia ada								
	> Kredit	Peratus Peningkatan hasil	7,895,844.00	14%	14%	14%	14%	14%	14%
	> Stesen Minyak	Peratus Peningkatan hasil	114,919,138.00	14%	14%	14%	14%	14%	14%
	> Ar-Rahnu	Peratus Peningkatan hasil	3,075,218.00	14%	14%	14%	14%	14%	14%
	> Ko-Servis	Peratus Peningkatan hasil	6,657,876.00	14%	14%	14%	14%	14%	14%
			132,548,076.00						
Pelanggan	C1 – Pengurusan keupuasan pelanggan	CSAT Index (asas 4.0)	-	3.75	3.75	3.75	3.75	3.75	3.75
	C2 – Penembusan pasaran baru								
	> Kredit	Bil. Pasaran baru / thn	-						
	> Stesen Minyak	Bil. Pasaran baru / thn	-	-	-	-	-	-	1
	> Ar-Rahnu	Bil. Pasaran baru / thn	-	1	-	1	-	-	-
	> ICT	Bil. Pasaran baru / thn			1				

Proses Dalam	P1 – Penambahbaikan kualiti produk dan proses	Bil. Inisiatif Penambahbaikan	-	1	1	1	1	1	1	1
	P2 – Pengurangan kos operasi									
	> Kredit	Peratusan Pengurangan Kos	-	2%	1%		2%	1%	2%	1%
	> Stesen Minyak	Peratusan Pengurangan Kos	-	1%		1%	1%			2%
	> Ar-Rahnu	Peratusan Pengurangan Kos	-	3%	2%	2%	2%	2%	1%	3%
	> ICT	Peratusan Pengurangan Kos	-	2%	1%	1%	1%	1%	1%	1%
	P3 – Pengurusan hubungan pelanggan	Bil. Borang maklumbalas	-	100 0	100 0	1500	1000	2000	1000	2500
	P4 – Meningkatkan promosi	Bil. Promosi berkala / thn	-	2	2	3	2	3	2	3
	P5 – Mengurus pembangunan produk baru									
	1. inovasi produk	Bil. Inovasi / thn	-	1	1	1	1	1	1	1
2. produk baru	Bil. Produk / thn	-	-	1	-	-	1			
P6 – Peningkatan Kesedaran Awam										
P7 – Pelaksanaan Audit Berkala										
Pembelajaran & Pengembangan	L1 – Memperkayakan budaya inovasi, kreatif dan berdaya saing	Bil. Kursus/Seminar / thn		5	10	10	15	20	25	25
	L2 – Membangunkan Infrastruktur yang sihat	Bil. Infrastruktur / thn		1	1	1	1	1	1	1
	L3 – Latihan Berterusan	Bil. Modul Latihan / thn		1	1	1	1	1	1	1
	L4 – Anugerah dan Pengiktirafan	Bil. Anugerah / thn		5	10	10	15	15	20	20

KOMITMEN DAN HARAPAN

Semua warga KPPKNKB komited terhadap memastikan setiap sasaran yang ditetapkan dicapai dengan sempurna dan akan sentiasa berusaha agar semua halangan dan rintangan di dalam memastikan perjalanan ke arah menjadi peneraju perniagaan strategik di rantau ini di atasi dengan jayanya. Dengan adanya pelan perancangan strategik ini, usaha dan kerja warga KPPKNKB akan menjadi lebih fokus dan terarah untuk merealisasikan matlamat yang digarap demi kejayaan dan kecemerlangan KPPKNKB.

PENUTUP

Pelan Strategik ini adalah rancangan yang dibangunkan sebagai panduan ke arah menuju sasaran yang telah ditetapkan oleh KPPKNKB. Bagi perspektif KPPKNKB, pelan strategik ini dibangunkan bagi membantu mengorak langkah ke arah menjadi peneraju bidang-bidang perniagaan yang strategik menjelang tahun 2035.

Pelan ini dibangunkan selaras dengan keupayaan dalam KPPKNKB (kekuatan dan kelemahan) dan faktor-faktor persekitaran (peluang dan ancaman) yang mempengaruhi operasi perniagaan-perniagaan KPPKNKB. Dari sudut lain pula, pelan strategik ini seharusnya dilihat sebagai manifestasi kehendak anggota organisasi di dalam membantu menjayakan hasrat penubuhan KPPKNKB.